PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KEEMPAT 2011

TINJAUAN KESELURUHAN

Pertumbuhan ekonomi Malaysia terus menggalakkan pada suku keempat

Pertumbuhan ekonomi Malaysia terus menggalakkan pada suku keempat
Keadaan ekonomi dan kewangan global terus mengalami tekanan pada suku keempat 2011, berikutan kebimbangan yang semakin meningkat terhadap penyelesaian krisis hutang kerajaan di Eropah. Pertumbuhan dalam ekonomi maju telah terjejas oleh pengangguran yang tinggi, pasaran perumahan yang lemah dan isu-isu fiskal, manakala pertumbuhan di Asia pula dipengaruhi oleh permintaan luaran yang lebih lemah. Walaupun persekitaran luaran adalah mencabar, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.2% (S3 11: 5.8%), dengan pertumbuhan disokong oleh permintaan dalam negeri. Keadaan permintaan dalam negeri yang menggalakkan telah disokong oleh perbelanjaan sektor swasta dan awam.

Pertumbuhan terus menggalakkan pada suku keempat (pada harga malar tahun 2000)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari segi penawaran, sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan, manakala sektor perkilangan berkembang pada kadar yang sama seperti suku sebelumnya, mencerminkan persekitaran luaran yang lebih lemah dalam keadaan peningkatan aktiviti dalam negeri yang mampan. Namun, pertumbuhan sektor lain bertambah baik pada suku tersebut, manakala sektor pertanian terus mencatat pertumbuhan yang kukuh. Bagi tahun 2011 secara keseluruhan, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.1%.

Permintaan dalam negeri berkembang sebanyak 10.5% pada suku keempat (S3 11: 9.0%), didorong oleh perbelanjaan sektor isi rumah dan perniagaan yang terus meningkat, dan perbelanjaan sektor awam. Penggunaan swasta meningkat sebanyak 7.1% (S3 11: 7.3%), disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang menggalakkan, manakala penggunaan awam berkembang sebanyak 23.6% (S3 11: 21.7%) berikutan perbelanjaan ke atas emolumen serta bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi. Pembentukan modal tetap kasar meningkat sebanyak 8.5% (S3 11: 6.1%), disokong oleh perbelanjaan modal sektor swasta dan perbadanan awam bukan kewangan yang terus berkembang. Pada suku keempat, perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan disalurkan terutamanya ke dalam sektor pengangkutan serta perdagangan dan perindustrian.

Dari segi penawaran, aktiviti dalam sektor perkhidmatan menjadi sederhana pada suku keempat, manakala sektor perkilangan berkembang pada kadar yang sama seperti suku sebelumnya. Trend ini mencerminkan persekitaran luaran yang lebih lemah dalam keadaan aktiviti dalam negeri yang mampan. Sektor pertanian terus berkembang disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit mentah yang lebih tinggi, manakala pengeluaran perlombongan mencatat penguncupan yang lebih kecil. Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi disokong oleh pelaksanaan projek-projek infrastruktur utama.

Kadar inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), menurun kepada 3.2% pada suku keempat (S3 11: 3.4%). Inflasi dalam kategori *pengangkutan* adalah lebih

rendah pada 3.2% (S3 11: 4.3%), disebabkan oleh luputnya kesan pelarasan sekali sahaja terhadap harga petrol RON95, diesel dan LPG pada bulan Disember 2010. Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman* tanpa alkohol bagaimanapun meningkat kepada 5.3% pada suku keempat (S3 11: 4.8%), disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga subkategori *ikan dan makanan laut*.

Dalam sektor luaran, lebihan akaun semasa adalah lebih rendah pada suku keempat, namun masih dalam jumlah yang besar iaitu RM22 bilion, bersamaan dengan 10.1% daripada PNK. Lebihan yang lebih rendah ini mencerminkan lebihan barangan yang lebih kecil, defisit perdagangan yang lebih tinggi dan aliran keluar pendapatan yang lebih besar. Lebihan barangan rendah sedikit pada RM36.9 bilion memandangkan eksport kasar berkembang pada kadar yang lebih sederhana (9.8%; S3 11: 11.4%), manakala pertumbuhan import kekal mampan (7.6%; S3 11: 7.4%).

Akaun kewangan kembali pulih daripada kedudukan aliran keluar bersih untuk mencatat aliran masuk bersih yang kecil sebanyak RM0.2 bilion pada suku keempat (S3 11: -RM23.3 bilion). Ini disebabkan oleh aliran keluar bersih dana portfolio yang jauh lebih kecil dan aliran masuk bersih pelaburan lain yang lebih tinggi. Pada suku keempat, pelaburan langsung asing mencatat aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM6.5 bilion (S3 11: +RM5.2 bilion) hasil daripada peningkatan dalam perolehan tertahan (retained earnings) syarikat multinasional (MNC) di Malaysia dan aliran masuk modal ekuiti yang lebih tinggi. Pelaburan langsung di luar negeri oleh syarikat Malaysia meningkat lagi kepada -RM14.4 bilion (S3 11: -RM12.9 bilion), mencerminkan aliran keluar modal ekuiti yang lebih tinggi dan perolehan tertahan di luar negeri yang lebih besar untuk tujuan pelaburan semula. Imbangan pembayaran keseluruhan terus kukuh dengan mencatat lebihan sebanyak RM6.3 bilion pada suku keempat (S3 11: RM10.9 bilion), disebabkan oleh lebihan akaun semasa yang terus tinggi dan akaun kewangan yang mencatat aliran masuk bersih.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM423.4 bilion (bersamaan dengan USD133.6 bilion) pada 31 Disember 2011. Paras rizab pada 31 Disember 2011 ini telah mengambil kira pengurangan nilai rizab yang disebabkan oleh pelarasan suku tahunan penilaian semula pertukaran asing berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan beberapa mata wang utama pada suku tersebut. Pada 31 Januari 2012, kedudukan rizab berjumlah RM424.8 bilion (bersamaan dengan USD134.1 bilion), yang mencukupi untuk membiayai 9.6 bulan import tertangguh dan ialah 4.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar monetari terus menyokong kegiatan ekonomi

Kadar Dasar Semalaman (OPR) tidak berubah pada 3.00% pada suku keempat 2011 memandangkan risiko pertumbuhan akan menjadi lebih perlahan telah meningkat dan risiko kenaikan inflasi adalah lebih rendah. Pada kadar semasa, OPR terus menyokong kegiatan ekonomi negara.

Sebagai mencerminkan OPR yang tidak berubah, kadar antara bank semalaman purata dan kadar antara bank bagi tempoh matang lain adalah secara relatifnya stabil. Dari segi kadar faedah runcit, kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) disebut purata bank perdagangan stabil pada suku keempat. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan menurun sedikit kepada 6.53% pada akhir bulan Disember disebabkan oleh kemasukan sebuah bank asing baharu dengan BLR yang lebih rendah pada bulan Disember. Kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul menjadi sederhana sedikit kepada 5.66% pada akhir bulan Disember 2011 (akhir bulan September 5.70%). Kos peminjaman bagi sektor perniagaan dan isi rumah masih di bawah paras sebelum krisis dan terus menyokong kegiatan ekonomi negara.

Pada suku keempat, jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat kepada RM240.6 bilion (S3 11: RM223.9 bilion).

Pembiayaan yang lebih tinggi ini mencerminkan pengeluaran pinjaman yang meningkat pada suku tersebut. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan 12.5% pada akhir bulan Disember (S3 11: 13.4%). Penunjuk pinjaman utama mencatat prestasi yang kukuh pada suku keempat.

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal bertambah kepada RM19.4 bilion pada suku keempat (S3 11: RM12.7 bilion). Daripada jumlah ini, RM15.9 bilion diperoleh sektor awam. Jumlah penebusan oleh sektor awam adalah ketara lebih kecil pada suku tersebut. Aktiviti pemerolehan dana oleh sektor swasta pula terus menggalakkan. Selepas membuat pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor swasta berjumlah RM3.5 bilion.

Agregat monetari berkembang pada kadar yang lebih kukuh pada suku keempat. Wang secara luas atau M3, berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan yang lebih pantas iaitu 14.4% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2011: 12.5%).

Pasaran pertukaran asing global terus tidak menentu pada suku keempat 2011, memandangkan ketidakpastian berhubung dengan krisis hutang kerajaan di Eropah terus mengakibatkan sentimen pelabur menjadi lembap terhadap aset pasaran sedang pesat membangun. Pada amnya, prestasi kadar pertukaran asing sebahagian besarnya merupakan tindak balas pasaran terhadap laporan perkembangan di Eropah. Secara keseluruhan, ringgit menambah nilai sebanyak 0.4% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada suku keempat, sejajar dengan trend serantau. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menambah nilai berbanding dengan euro (5.0%), yen Jepun (1.7%) dan paun sterling (1.6%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan rupiah Indonesia (4.5%), baht Thailand (2.3%), dolar Singapura (0.4%) dan peso Filipina (0.4%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan renminbi China (-0.9%) dan won Korea (-1.5%). Pada tempoh 1 Januari hingga 13 Februari 2012, ringgit menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (5.1%), dolar AS (5.0%), euro (2.6%) dan paun sterling (2.5%). Ringgit pada amnya lebih kukuh berbanding dengan mata wang serantau, dengan menambah nilai dalam julat 1.3% hingga 4.9%.

Risiko kepada kestabilan kewangan kekal terurus

Kestabilan kewangan terus utuh sepanjang suku keempat walaupun ketidakpastian dan cabaran yang dihadapi oleh persekitaran luaran berterusan. Institusi kewangan dengan kedudukan modal yang kukuh dan pasaran kewangan yang berfungsi dengan baik terus memberi sokongan kepada aktiviti pengantaraan kewangan dalam ekonomi dalam negeri.

Sistem perbankan menunjukkan prestasi yang kukuh pada suku keempat. Keberuntungan yang mampan terus menyokong kedudukan modal institusi perbankan yang kukuh. Mudah tunai dalam sistem perbankan adalah lebih daripada mencukupi dan memadai untuk memenuhi permintaan terhadap pembiayaan dan obligasi mudah tunai yang lain. Nisbah modal teras dan nisbah modal wajaran risiko sistem perbankan masing-masing pada 12.9% dan 14.9%. Sektor insurans juga kekal berdaya tahan dengan nisbah kecukupan modal yang kukuh pada 222.5%.

Pelan Sektor Kewangan 2011 - 2020 yang dilancarkan pada suku keempat telah melakarkan hala tuju dan inisiatif masa hadapan untuk membangunkan sektor kewangan yang terbaik untuk ekonomi dan bagi membantu pertumbuhan dan transformasi ekonomi untuk tempoh sepuluh tahun yang akan datang. Ini termasuk inisiatif untuk menggalakkan akses yang inklusif kepada perkhidmatan kewangan; mendorong kemajuan selanjutnya bagi institusi kewangan, serta produk dan pasaran kewangan yang membantu dan memacu pembangunan sumber-sumber pertumbuhan domestik yang baharu; dan meningkatkan lagi hubungan serantau dan antarabangsa Malaysia.

Pertumbuhan diunjurkan sederhana dalam keadaan persekitaran luaran yang semakin mencabar

Pemulihan ekonomi global berterusan pada suku keempat, namun pada kadar yang lebih sederhana. Walau bagaimanapun, prospek pertumbuhan telah menjadi semakin tidak menentu dengan meningkatnya risiko bahawa pertumbuhan akan menjadi lebih perlahan. Khususnya, ketidakpastian mengenai dasar yang perlu dilaksanakan bagi penyelesaian krisis hutang kerajaan di Eropah yang berlarutan dalam keadaan terdapatnya langkah penjimatan fiskal dalam ekonomi maju, berkemungkinan menambah lagi tekanan ke atas sistem kewangan antarabangsa lantas menjejaskan prospek pertumbuhan global yang berterusan.

Bagi ekonomi Malaysia, kadar pertumbuhan yang menggalakkan pada suku keempat telah disokong oleh permintaan dalam negeri yang mampan dalam keadaan permintaan luaran yang lebih lemah. Pada masa hadapan, persekitaran luaran yang semakin mencabar boleh mengakibatkan risiko yang lebih tinggi terhadap prospek pertumbuhan Malaysia. Namun demikian, permintaan dalam negeri dijangka terus menjadi pemacu utama pertumbuhan, disokong terutamanya oleh kegiatan sektor swasta yang berterusan. Perbelanjaan sektor awam juga dijangka memberikan sokongan yang kukuh terhadap prestasi pertumbuhan keseluruhan.

PERKEMBANGAN PADA SUKU KEEMPAT 2011

KEADAAN EKONOMI ANTARABANGSA

Pertumbuhan global menjadi sederhana berikutan peningkatan krisis hutang kerajaan di Eropah

Keadaan ekonomi dan kewangan dunia terus mengalami tekanan pada suku keempat 2011, berikutan peningkatan krisis hutang kerajaan di Eropah. Pertumbuhan global menjadi sederhana disebabkan oleh aktiviti ekonomi yang perlahan dalam keadaan sentimen yang lebih lemah dan ketidakpastian yang lebih tinggi khususnya dalam ekonomi utama. Dalam ekonomi maju, aktiviti sektor swasta dikekang oleh pengangguran yang tinggi, pasaran perumahan yang lemah dan isu kemampanan fiskal yang berlanjutan. Di Asia, pertumbuhan menjadi sederhana disebabkan oleh permintaan luar negeri yang lebih lemah. Walau bagaimanapun, permintaan dalam negeri terus menyokong aktiviti ekonomi.

Turun naik keadaan pasaran kewangan antarabangsa menjadi lebih ketara kerana pasaran terjejas oleh ketidakpastian dasar yang berterusan serta penurunan penarafan kredit kerajaan bagi beberapa buah negara utama di kawasan euro. Khususnya, kebimbangan terhadap kemampanan fiskal menyebabkan spread kerajaan menjadi lebih besar serta mencecah rekod tertinggi bagi banyak ekonomi di kawasan euro, termasuk Itali dan Sepanyol. Selain itu, kebimbangan terhadap institusi perbankan juga muncul apabila bank-bank Eropah dengan pendedahan yang tinggi terhadap hutang kerajaan yang bermasalah menghadapi semula tekanan pendanaan, menyebabkan meningkatnya risiko gangguan yang ketara kepada aliran kredit dalam proses menyokong aktiviti ekonomi. Bagi menghadapi keadaan pasaran yang merosot, enam bank pusat utama mengumumkan langkah-langkah yang bersepadu untuk menyediakan sokongan mudah tunai kepada sistem kewangan global, termasuk menurunkan kadar faedah bagi perjanjian swap dolar Amerika yang sedia ada. Di samping itu, European Central Bank (ECB) juga memutuskan untuk melaksanakan langkah-langkah pelonggaran monetari selanjutnya, termasuk pembiayaan semula operasi jangka panjang bagi menyokong penyediaan kredit kepada ekonomi benar. Tindakan dasar itu telah memberikan sedikit kelegaan kepada beberapa pasaran kewangan. Para pemimpin Eropah mengumumkan langkah-langkah untuk membendung penularan, termasuk menurunkan nilai sebanyak 50% bagi nilai hutang yang dipegang oleh sektor swasta di Greece dan meningkatkan Kemudahan Kestabilan Kewangan Eropah (European Financial Stability Facility, EFSF) kepada €1 trilion daripada €440 bilion, iaitu sebahagiannya secara leveraj. Pada bulan Disember, para pemimpin Eropah bersetuju dengan perjanjian fiskal antara kerajaan, yang bertujuan untuk meningkatkan disiplin fiskal di rantau itu. Walau bagaimanapun, krisis hutang kerajaan di Eropah masih belum dapat diselesaikan disebabkan oleh ketidakpastian yang menyelubungi pelaksanaan rancangan penyelesaian itu. Keadaan pasaran terus tidak menentu dalam keadaan ketidakpastian yang semakin meningkat dan perubahan sentimen yang nyata. Pasaran terus dikejutkan oleh penurunan penarafan kredit untuk 9 daripada 17 ekonomi di kawasan euro oleh agensi penarafan kredit berikutan kebimbangan terhadap kemampanan fiskal. Seterusnya, penarafan EFSF juga diturunkan daripada AAA kepada AA+.

Ekonomi **Amerika Syarikat** (AS) berkembang pada kadar tahunan 1.6% (S3 11: 1.5%) pada suku keempat. Berasaskan kadar tahunan, ekonomi meningkat sebanyak 2.8% (S3 11: 1.8%) disebabkan terutamanya oleh penambahan semula stok inventori. Penggunaan swasta meningkat sedikit dengan peningkatan dalam pembelian kenderaan bermotor dan barangan tak tahan lama. Perbelanjaan pengguna disokong oleh pengeluaran simpanan peribadi dan peningkatan kredit dalam keadaan sentimen

yang telah pulih sedikit. Pelaburan tetap swasta berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 3.3% (S3 11: 13%), apabila perbelanjaan kelengkapan dan perisian yang sederhana dan penurunan dalam pelaburan berstruktur mengimbangi peningkatan dalam aktiviti pembinaan rumah kediaman. Pertumbuhan juga dikekang oleh sumbangan negatif daripada eksport bersih dan penguncupan perbelanjaan kerajaan berikutan perbelanjaan pertahanan yang jatuh dengan ketara. IHP keseluruhan meningkat pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 3.3% (S3 11: 3.8%) disebabkan oleh harga bahan api yang lebih rendah.

Pertumbuhan ekonomi yang lemah di **kawasan euro** disebabkan oleh permintaan dalam negeri yang terjejas akibat krisis hutang kerajaan yang berterusan. Ini dicerminkan oleh penurunan perbelanjaan pengguna dalam ekonomi teras dan ekonomi yang lebih kecil dalam keadaan sentimen sektor swasta yang terus merosot. Pengangguran yang lebih tinggi serta langkah-langkah penjimatan tambahan dalam ekonomi yang terjejas telah memberikan kesan terhadap aktiviti ekonomi dalam negeri. Inflasi kekal tinggi dengan harga pengguna meningkat pada kadar 3% (S3 11: 2.7%), disebabkan terutamanya oleh harga tenaga yang tinggi.

Di **UK**, KDNK benar meningkat pada kadar tahunan yang lebih cepat sebanyak 0.8% (S3 11: 0.5%). Walau bagaimanapun, pada asas suku tahunan, ekonomi menguncup sebanyak 0.2% (S3 11: 0.6%) berikutan penurunan dalam aktiviti perkilangan dan pembinaan pada suku itu. Di samping itu, permintaan dalam negeri terus terjejas oleh langkah-langkah penjimatan fiskal, sentimen yang lebih lemah dan harga pengguna yang lebih tinggi. Inflasi kekal tinggi pada 4.7% (S3 11: 4.7%) disebabkan oleh tarif tenaga yang lebih tinggi dan peningkatan dalam kadar cukai nilai tambah pada bulan Januari 2011.

Ekonomi **Jepun** menguncup pada kadar tahunan yang lebih perlahan sebanyak 1% (S3 11: -0.5%). Berasaskan kadar tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi Jepun menguncup dengan ketara sebanyak 2.3% (S3 11: 7.0%) berikutan kelembapan yang berterusan dalam sektor luar negeri. Eksport menurun sebanyak 1.7% (S3 11: 1.2%), disebabkan terutamanya oleh permintaan global yang semakin lemah terhadap barangan elektronik pengguna dan jentera, dan diburukkan lagi oleh pengukuhan yang berterusan dalam yen Jepun. Di dalam negeri, perbelanjaan isi rumah kekal lembap kerana pendapatan boleh guna dan pertumbuhan upah terus merosot dalam keadaan keyakinan yang lemah. Harga pengguna teras (tidak termasuk makanan segar) kembali mencatat pertumbuhan negatif 0.1% (S3 11: 0.2%).

Dasar monetari kekal akomodatif dalam ekonomi maju, dengan lebih banyak langkah diambil ekoran meningkatnya tanda-tanda prospek pertumbuhan yang semakin lemah. Di AS, **Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan** (Federal Open Market Committee, FOMC) mengekalkan kadar *federal funds* antara 0-0.25%. Di kawasan euro, peningkatan tekanan dalam pasaran kewangan dan peningkatan risiko prospek pertumbuhan ekonomi yang akan menjadi lebih perlahan mendorong **ECB** untuk mengurangkan kadar dasarnya sebanyak 25 mata asas pada setiap kali penurunan pada bulan November dan Disember, sehingga kadar dasar menurun kepada 1%. ECB juga mengumumkan langkah-langkah sokongan kredit tambahan untuk menyediakan mudah tunai kepada sektor perbankan dan menyokong aktiviti pinjaman di rantau itu. Ini termasuk memperkenalkan operasi pembiayaan semula bagi tempoh 3 tahun dan mengurangkan nisbah rizab. Berikutan keadaan pemulihan ekonomi yang lemah, **Bank of England** (BoE) menambah langkah pelonggaran kuantitatifnya dengan meningkatkan saiz program pembelian asetnya sebanyak £125 bilion kepada £325 bilion pada bulan Oktober dan Februari, di samping mengekalkan kadar dasarnya pada 0.5%. Selain itu, **Bank Jepun** (BoJ) meningkatkan jumlah saiz Program Pembelian Aset sebanyak ¥5 trilion kepada ¥55 trilion bagi pembelian bon kerajaan Jepun untuk terus menyokong pemulihan ekonomi negara

itu. BoJ juga memperluas program pinjaman sebanyak ¥1 trilion kepada institusi kewangan di kawasan yang terjejas oleh bencana alam pada bulan Mac untuk tempoh 6 bulan lagi, yang berakhir pada bulan April 2012.

Ekonomi Maju: Pertumbuhan KDNK Benar

	2010		2011		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
AS[1]	2.4	3.0	1.8	2.8[a]	1.7
Jepun[1]	-0.6	3.3	7.0[d]	-2.3[a]	-0.9[a]
UK	1.7	2.1	0.5	0.8[p]	0.9[p]

[1] Berasaskan kadar tahunan (annualised)
[d] Disemak
[a] Anggaran awal
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

Di **Asia**, aktiviti ekonomi menjadi sederhana pada suku keempat dalam keadaan permintaan luar negeri dan aktiviti perkilangan yang lebih perlahan. Walau bagaimanapun, permintaan dalam negeri mampan, disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan, akses yang berterusan kepada pembiayaan, pendapatan yang semakin meningkat serta harga komoditi yang tinggi. Ekonomi **Singapura** berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 3.6% (S3 11: 5.9%), disebabkan oleh aktiviti sektor perkilangan yang menjadi sederhana, terutamanya dalam subsektor elektronik dan bioperubatan. Pertumbuhan yang lebih sederhana di **RR China**, **Hong Kong** dan **China Taipei** disebabkan oleh aktiviti eksport yang lebih perlahan. Di **China Taipei**, pertumbuhan juga terjejas oleh pelaburan yang lebih rendah. Pertumbuhan ekonomi di **Korea** berkembang sebanyak 3.4% (S3 11: 3.5%), disokong oleh permintaan dalam negeri. Ekonomi **Indonesia** mengekalkan pertumbuhan pada 6.5% (S3 11: 6.5%) sebahagian besarnya disebabkan oleh aktiviti pelaburan yang berterusan dan penggunaan swasta yang berdaya tahan. Ekonomi **Filipina** mencatat pertumbuhan sebanyak 3.7% (S3 11: 3.6%), disokong terutamanya oleh penggunaan swasta.

Inflasi keseluruhan di rantau Asia menjadi sederhana disebabkan oleh kenaikan harga makanan dan tenaga yang lebih perlahan, tetapi kekal tinggi pada suku itu. Berikutan ketidakpastian yang meningkat dalam ekonomi global serta tekanan inflasi yang makin berkurang, beberapa bank pusat di rantau itu mula mengalihkan fokus dasar mereka ke arah menyokong pertumbuhan ekonomi. **Bank Indonesia** menurunkan kadar faedah penanda arasnya pada bulan Oktober, November dan Februari 2012 sebanyak 75 mata asas kepada 5.75%. **Bank of Thailand** menurunkan kadar dasar utamanya sebanyak 50 mata peratusan kepada 3.00% pada bulan November dan Januari untuk mengurangkan kesan banjir teruk yang melanda ekonomi tersebut. **Bangko Sentral ng Pilipinas** juga menurunkan kadar dasarnya sebanyak 25 mata peratusan kepada 4.25% untuk menyokong aktiviti ekonomi dalam keadaan prospek inflasi yang rendah. People's Bank of China mengurangkan nisbah

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2010		2011		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
RR China	9.8	10.4	9.1	8.9	9.2
Singapura	12.0	14.5	5.9	3.6[a]	4.8[a]
Hong Kong SAR	6.6	7.0	4.3	3.0[p]	5.0[p]
China Taipei	6.5	10.7	3.4	1.9[a]	4.0[a]
Korea	4.7	6.2	3.5	3.4[a]	3.6[a]
Indonesia	6.9	6.1	6.5	6.5	6.5
Filipina	6.1	7.6	3.6[d]	3.7	3.7

[p] Awalan
[a] Anggaran awal
[d] Disemak

Sumber: Pihak berkuasa negara

keperluan rizab sebanyak 50 mata asas, menjadikan nisbah keperluan rizab 21% untuk meningkatkan aktiviti pemberian pinjaman bank dan menyokong pertumbuhan. Walau bagaimanapun, inflasi masih diberikan perhatian utama di beberapa negara. **Reserve Bank of India** menaikkan kadar dasarnya sebanyak 25 mata asas kepada 8.50% pada bulan Oktober. Di samping itu, Bank tersebut juga menaikkan

kadar deposit rupee bukan pemastautin dan pinjaman dalam mata wang asing bagi membendung susut nilai rupee yang ketara pada bulan November. Pada bulan Januari 2012, Bank tersebut mengurangkan rizab tunainya sebanyak 50 mata asas kepada 5.50% di samping mengekalkan kadar dasar utamanya bagi melegakan keadaan mudah tunai dalam sistem perbankan. **Bank of Korea** mengekalkan kadar dasarnya pada 3.25% pada bulan Februari selepas menaikkan kadar dasar sebanyak tiga kali pada separuh pertama tahun 2011.

Harga **minyak mentah**[1] kekal tinggi pada purata USD109 setong pada suku keempat (S3 11: USD112 setong). Harga yang turun naik dalam julat yang agak luas dari USD101 hingga USD115 pada suku itu mencerminkan ketegangan yang berpunca daripada risiko ekonomi dan ketegangan geopolitik. Prospek pertumbuhan yang semakin lemah telah mengurangkan permintaan terhadap minyak, lantas memberikan tekanan menurun terhadap harga. Pada masa yang sama, kemungkinan sekatan terhadap import minyak mentah dari Iran menimbulkan kebimbangan terhadap gangguan bekalan. Pada akhir suku itu, harga minyak mentah ditutup pada USD107 setong.

Pasaran pertukaran asing kekal tidak menentu disebabkan oleh penghindaran risiko yang berterusan dalam pasaran kewangan global. Pada permulaan suku keempat, kebanyakan mata wang utama dan serantau menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS). Pada bulan Oktober, trend penambahan nilai bagi euro dan paun sterling berbanding dengan dolar AS disokong oleh jangkaan pelabur mengenai penyelesaian yang menyeluruh untuk krisis hutang kerajaan di Eropah. Walau bagaimanapun, berikutan langkah-langkah dasar yang diumumkan pada 27 Oktober, trend itu telah bertukar arah disebabkan oleh kebimbangan baharu terhadap pelaksanaan langkah-langkah serta pengumuman bahawa beberapa ekonomi di kawasan euro mungkin diturunkan penarafan kredit oleh agensi-agensi penarafan kredit yang utama. Yang ketara, euro jatuh ke paras terendah dalam tempoh 15 bulan menjelang akhir tahun itu. Sementara itu, yen terus menambah nilai berbanding dengan dolar AS meskipun terdapat langkah-langkah intervensi oleh pihak berkuasa negara itu pada bulan Oktober berikutan aliran mata wang *safe-haven* (safe haven flows) kepada mata wang Jepun. Bagi tahun 2011 secara keseluruhan, euro menurun sebanyak 3.2%, manakala yen naik sebanyak 5.5% berbanding dengan dolar AS. Di Asia, rupee India mencatat penyusutan nilai yang terbesar antara mata wang serantau pada tahun 2011, dengan penurunan sebanyak 15.6%.

Melangkah ke hadapan, prospek pertumbuhan global menjadi semakin tidak menentu. Perkembangan dalam krisis hutang kerajaan di Eropah akan terus menjejaskan sentimen di seluruh dunia, dengan memberikan kesan terhadap aktiviti ekonomi. Tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa negara pada beberapa bulan yang akan datang menjadi amat penting dalam menentukan natijah daripada krisis ini dan seterusnya impak terhadap pertumbuhan.

[1] Merujuk kepada Brent niaga hadapan satu bulan di Bursa Intercontinental (Intercontinental Exchange, ICE)

PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Pertumbuhan terus menggalakkan pada suku keempat

Walaupun berhadapan dengan keadaan ekonomi dan kewangan global yang mencabar, ekonomi Malaysia terus berkembang pada suku keempat 2011, dengan pertumbuhan sebanyak 5.2% (S3 11: 5.8%). Pertumbuhan dalam permintaan dalam negeri terus menggalakkan disokong oleh perbelanjaan sektor swasta dan awam.

Permintaan dalam negeri terus menyokong pertumbuhan

Permintaan dalam negeri berkembang sebanyak 10.5% pada suku keempat (S3 11: 9.0%). Pertumbuhan disokong oleh peningkatan yang berterusan dalam perbelanjaan sektor isi rumah dan perniagaan, dan perbelanjaan sektor awam.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2000)

	2010		2011		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	5.9	6.3	9.0	10.5	8.2
Penggunaan	4.8	5.2	9.9	11.1	8.9
Sektor swasta	*6.4*	*6.5*	*7.3*	*7.1*	*6.9*
Sektor awam	*0.1*	*0.5*	*21.7*	*23.6*	*16.8*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	10.0	9.8	6.1	8.5	6.0
Eksport Bersih	-19.2	-25.7	18.1	-25.7	-14.4
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*1.7*	*9.9*	*4.2*	*4.9*	*3.7*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*3.5*	*15.1*	*3.2*	*7.0*	*5.4*
KDNK	**4.8**	**7.2**	**5.8**	**5.2**	**5.1**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan swasta meningkat pada kadar 7.1% (S3 11: 7.3%), disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang menggalakkan dan keadaan pasaran pekerja yang teguh. Pembayaran bonus sebanyak setengah bulan gaji kepada kakitangan awam bersama-sama kenaikan kukuh dalam pendapatan isi rumah luar bandar hasil daripada harga komoditi yang lebih tinggi banyak menyokong perbelanjaan pengguna pada suku tersebut. Selain itu, promosi jualan akhir tahun bersempena dengan musim perayaan dan cuti persekolahan yang panjang turut mendorong peningkatan yang ketara dalam perbelanjaan penggunaan. Penunjuk penggunaan utama seperti import barangan penggunaan, pemberian pinjaman bank kepada isi rumah serta perbelanjaan kad kredit terus menunjukkan trend positif yang kukuh. Keyakinan pengguna juga kekal positif seperti ditunjukkan oleh Indeks Sentimen Pengguna MIER Suku Keempat (106.3 mata; S3 11: 108.7 mata).

Penggunaan awam berkembang sebanyak 23.6% (S3 11: 21.7 mata) disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam perbelanjaan bagi emolumen serta bekalan dan perkhidmatan.

Pembentukan modal tetap kasar meningkat sebanyak 8.5% pada suku keempat (S3 11: 6.1%), disokong oleh perbelanjaan modal sektor swasta dan perbadanan awam bukan kewangan (PABK) yang terus meningkat. Perbelanjaan modal sektor swasta meningkat lagi walaupun ketidakpastian dalam persekitaran ekonomi global telah menjejaskan aktiviti peningkatan kapasiti dalam industri berorientasikan eksport. Ini seperti dicerminkan dalam penurunan

Sentimen perniagaan dan pengguna menurun secara sederhana



Sumber: MIER

prestasi beberapa penunjuk pelaburan swasta, termasuk jualan jentera elektronik dan elektrik (E&E) dan bilangan syarikat tempatan baharu berdaftar, sementara sentimen perniagaan jatuh ke paras di bawah tahap penanda aras 100 mata (S4 11: 96.9 mata; S3 11: 104.5 mata). Namun, penunjuk utama lain menunjukkan perbelanjaan modal sektor swasta terus berkembang dengan import barangan modal, jualan kenderaan perdagangan serta pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan mencatat pertumbuhan positif. Pelaburan sektor awam disokong oleh peningkatan berterusan dalam perbelanjaan modal PABK, yang sebahagian besarnya disalurkan kepada sektor minyak dan gas serta pengangkutan, memandangkan perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan adalah lebih rendah pada suku tersebut. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan telah disalurkan terutamanya ke dalam sektor pengangkutan serta perdagangan dan perindustrian.

Pertumbuhan sektor ekonomi utama adalah sederhana

Dari segi penawaran, aktiviti dalam sektor perkhidmatan menjadi sederhana pada suku keempat, manakala sektor perkilangan berkembang pada kadar yang sama seperti suku sebelumnya. Trend ini mencerminkan persekitaran luaran yang lebih lemah dalam keadaan aktiviti dalam negeri yang mampan.

Sektor pertanian terus mencatat pertumbuhan yang teguh, didorong oleh pengeluaran tanaman utama yang lebih tinggi, manakala pengeluaran perlombongan terus bertambah baik. Sektor pembinaan berkembang pada kadar yang lebih kukuh, berikutan pelaksanaan projek infrastruktur utama.

Sektor perkhidmatan terus berkembang pada suku keempat 2011, namun pada kadar yang lebih sederhana (6.4%; S3 11: 7.0%). Ini terutamanya mencerminkan aktiviti berkaitan pasaran modal yang lebih perlahan, yang telah lebih daripada mengimbangi pertumbuhan kukuh yang berterusan dalam subsektor yang didorong penggunaan. Subsektor **perdagangan borong dan runcit** berkembang sebanyak 7.2% (S3 11: 9.0%),

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2000)

	2010		2011		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	-3.9	2.1	8.2	6.9	5.6
Perlombongan	-1.2	0.2	-6.1	-3.3	-5.7
Perkilangan	6.2	11.4	5.3	5.2	4.5
Pembinaan	5.6	5.1	3.0	6.4	3.5
Perkhidmatan	6.1	6.8	7.0	6.4	6.8
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	**4.8**	**7.2**	**5.8**	**5.2**	**5.1**
KDNK Benar (Perubahan Berbanding dengan Tempoh Sebelumnya)	**1.7**	**7.2**	**3.8**	**1.2**	**5.1**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2000)

	Bahagian 2010 (%)	2010		2011		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**43.7**	**6.0**	**7.2**	**6.0**	**5.9**	**6.2**
Kewangan & insurans	20.3	3.7	6.4	4.6	6.4	5.9
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	9.5	8.7	7.8	6.8	2.3	6.3
Pengangkutan & penyimpanan	6.6	5.2	6.9	6.1	6.2	5.3
Komunikasi	7.4	9.8	8.5	8.7	8.8	7.6
Perkhidmatan Akhir	**56.3**	**6.3**	**6.5**	**7.9**	**6.8**	**7.3**
Perdagangan borong & runcit	23.6	8.3	8.0	9.0	7.2	7.6
Penginapan & restoran	4.2	3.7	5.0	5.4	5.7	5.2
Utiliti	5.2	4.2	8.2	4.6	3.8	3.0
Perkhidmatan Kerajaan	13.0	6.1	5.8	10.7	9.6	11.6
Perkhidmatan lain	10.2	3.9	4.0	4.3	3.8	4.1
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**	**6.1**	**6.8**	**7.0**	**6.4**	**6.8**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2010		2011			
	S3	S4	S1	S2	S3	S4
	Indeks					
Indeks Sentimen Pengguna MIER	115.8	117.2	108.2	107.9	108.7	106.3
Indeks Perdagangan Runcit MIER	140.0	132.0	99.1	120.8	150.0	92.6
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	118.8	124.6	113.1	125.4	115.2	126.0
	Perubahan tahunan (%)					
Ketibaan pelancong	6.0	1.2	-3.9	-5.2	-17.9	t.d.
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	10.0	6.3	11.8	13.4	10.8	t.d.
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	10.7	9.8	9.5	8.7	8.5	9.6
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	7.3	7.5	7.2	6.8	9.6	11.5
Import barangan penggunaan	2.8	6.9	5.8	17.5	26.5	25.4
Jumlah jualan kenderaan bermotor	3.7	9.3	7.5	-9.7	0.6	-1.5
Kargo kontena yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP)	10.9	9.6	14.4	9.6	9.8	11.5

Sumber: Pelbagai sumber

didorong terutamanya oleh segmen runcit, sejajar dengan penggunaan swasta yang terus kukuh. Subsektor **kewangan dan insurans** meningkat sebanyak 6.4% (S3 11: 4.6%), hasil daripada pemberian pinjaman bank yang lebih tinggi serta peningkatan dalam kutipan premium insurans. Pertumbuhan subsektor **harta tanah dan perkhidmatan perniagaan** adalah lebih rendah (2.3%; S3 11: 6.8%) disebabkan aktiviti berkaitan pasaran modal yang perlahan pada suku tersebut.

Sektor perkilangan meningkat sebanyak 5.2% (S3 11: 5.3%), disokong oleh pertumbuhan yang teguh dalam **industri berorientasikan dalam negeri**. Prestasi industri berorientasikan dalam negeri didorong terutamanya oleh kelompok keluaran berkaitan pengguna. Ini seperti dicerminkan oleh peningkatan dalam pengeluaran kelengkapan pengangkutan dalam keadaan tekanan terhadap rantaian bekalan automotif global yang semakin reda, dan pengeluaran segmen makanan dan minuman yang lebih tinggi. Kelompok berkaitan pembinaan juga terus berkembang. **Industri berorientasikan eksport** bagaimanapun meningkat pada kadar yang lebih perlahan. Pengeluaran dalam kelompok E&E terus lemah memandangkan permintaan global terhadap komputer peribadi dan peralatannya serta separa konduktor adalah lebih lemah. Namun demikian, pengeluaran dalam kelompok keluaran berkaitan sumber adalah mampan, disokong oleh prestasi segmen kimia dan keluaran kimia dan pemprosesan di luar estet yang kukuh.

Secara keseluruhan, kadar kapasiti penggunaan dalam sektor perkilangan kekal mampan (77%; S3 11: 78%). Industri berorientasikan eksport dan dalam negeri beroperasi pada tahap 78% dan 75% daripada jumlah kapasiti masing-masing pada suku keempat (S3 11: masing-masing 79% dan 76%).

Kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan*



* Mulai tahun 2009, penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2004 kepada nilai tambah tahun 2006

Sumber: Bank Negara Malaysia & Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perkilangan

	2010		2011		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan Tahunan (%)				
Nilai Ditambah (RM juta pada harga tahun 2000)	**6.2**	**11.4**	**5.3**	**5.2**	**4.5**
Pengeluaran Perkilangan Keseluruhan[1]	**6.6**	**11.1**	**5.4**	**5.3**	**4.7**
Industri berorientasikan eksport	**4.6**	**9.7**	**4.0**	**2.7**	**3.3**
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	**0.1**	**17.4**	**-0.5**	**-3.7**	**-3.8**
Antaranya:					
Elektronik	-16.5	3.1	-3.9	-11.5	-12.0
Keluaran elektrik	34.8	47.8	4.0	6.5	8.4
Kelompok keluaran berkaitan sumber	**7.2**	**5.7**	**6.5**	**6.2**	**7.5**
Antaranya:					
Kimia dan keluaran kimia	4.7	11.5	9.7	14.0	8.8
Keluaran petroleum	16.3	-2.4	1.7	-1.1	6.2
Keluaran getah	12.7	20.8	15.5	6.1	13.0
Pemprosesan di luar estet	-14.1	-2.3	9.9	18.8	10.0
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**13.6**	**15.6**	**10.3**	**13.7**	**9.2**
Kelompok berkaitan pembinaan	**22.2**	**18.9**	**19.1**	**14.7**	**18.2**
Antaranya:					
Keluaran berkaitan pembinaan	20.4	21.9	13.1	12.7	14.1
Keluaran logam yang direka	24.7	15.0	27.5	17.4	23.8
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	**7.6**	**13.4**	**3.9**	**12.9**	**2.5**
Antaranya:					
Kelengkapan pengangkutan	20.8	29.7	1.0	15.0	-1.0
Makanan, minuman & keluaran tembakau	9.3	8.8	4.9	9.5	5.8

[1]Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Pertanian

	2010		2011		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**-3.9**	**2.1**	**8.2**	**6.9**	**5.6**
Tanaman Industri	**-10.2**	**-2.3**	**10.4**	**8.5**	**5.3**
Tanaman Makanan	**4.5**	**7.4**	**5.8**	**5.3**	**5.8**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak sawit mentah	-9.5	-2.9	12.8	16.2	11.3
Getah	6.1	9.6	15.8	-8.0[1]	7.3[2]
Ikan	2.4	2.7	2.7	0.8[1]	1.0[2]
Ternakan	-2.2	2.4	5.9	-6.6[1]	0.5[2]

[1] Okt - Nov 2011
[2] Jan - Nov 2011

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Jabatan Perikanan Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	2010		2011		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**-1.2**	**0.2**	**-6.1**	**-3.3**	**-5.7**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat	-4.4	-3.1	-9.9	-5.9	-10.2
Gas asli	0.2	2.1	-1.5	1.3	0.4

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

	2010		2011		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Permit jualan dan pengiklanan baharu	13.0	16.0	6.0	22.4	16.1
Kelulusan perumahan	31.7	23.6	54.1	29.8	32.2
Pengeluaran[1] bahan berkaitan pembinaan	22.2	18.9	19.1	14.7	18.2
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	49.7	53.6	-20.5	64.0	25.7
Import bahan pembinaan dan bahan galian	23.1	27.5	24.4	9.6	14.0

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan **sektor pertanian** kekal kukuh pada 6.9% (S3 11: 8.2%), disebabkan terutamanya oleh pengeluaran minyak sawit mentah yang terus meningkat dengan nyata. **Sektor perlombongan** mencatat penguncupan lebih kecil sebanyak 3.3% (S3 11: -6.1%), mencerminkan kemerosotan pengeluaran minyak mentah yang lebih kecil dan pemulihan dalam pengeluaran gas asli dalam keadaan permintaan terhadap gas asli cecair (LNG) yang lebih tinggi dari Jepun. Ini disebabkan oleh penutupan reaktor nuklear akibat bencana alam di negara itu pada bulan Mac.

Sektor pembinaan berkembang sebanyak 6.4% pada suku tersebut (S3 11: 3.0%), didorong oleh subsektor kediaman dan kejuruteraan awam. Pertumbuhan dalam segmen kediaman bertambah baik dalam keadaan aktiviti pembinaan yang lebih giat, khususnya di Lembah Kelang. Pelaburan yang lebih tinggi berikutan kemajuan yang berterusan dalam pembinaan projek infrastruktur utama seperti projek landasan berkembar elektrik Seremban-Gemas, Jambatan Pulau Pinang Kedua dan Terminal Minyak dan Gas Sabah, telah merangsang subsektor kejuruteraan awam. Pertumbuhan dalam subsektor bukan kediaman terus disokong oleh pembinaan harta tanah komersial yang sedang dijalankan.

Inflasi menjadi sederhana pada suku keempat

Kadar inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), menurun kepada 3.2% pada suku keempat (S3 11: 3.4%). Inflasi dalam kategori *pengangkutan* adalah lebih rendah pada 3.2% (S3 11: 3.4%), disebabkan oleh luputnya kesan pelarasan sekali sahaja terhadap harga petrol RON95, diesel dan LPG pada bulan Disember 2010.

Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* naik kepada 5.3% pada suku keempat (S3 11: 4.8%). Harga makanan yang lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga dalam subkategori *ikan dan makanan laut* sebanyak 7.7% (S3 11: 6.7%), adalah disebabkan oleh kekurangan bekalan berikutan keadaan cuaca dalam negeri yang buruk. Kategori *daging* juga mencatat inflasi lebih tinggi pada 8.5% pada suku keempat (S3 11: 8.2%).

Kenaikan harga pada suku keempat bagaimanapun telah dikurangkan sebahagiannya oleh harga dalam kategori *komunikasi* yang lebih rendah.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) suku keempat meningkat lebih perlahan pada 7.5% pada asas tahunan (S3 11: 10.9%). Dari segi komposisi, harga dalam komponen berkaitan komoditi dan bukan berkaitan komoditi masing-masing mencatat kenaikan lebih kecil pada 18.3% (S3 11: 29.6%) dan 2.1% (S3 11: 2.3%). Harga komponen IHPR tempatan meningkat dengan lebih perlahan pada 9.7% (S3 11: 14.9%) manakala harga komponen IHPR yang diimport pula naik sebanyak 2.4% (S3 11: 2.3%).

Sumbangan kepada Inflasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan pasaran pekerja adalah menggalakkan

Keadaan keseluruhan pasaran pekerja terus menggalakkan dengan kadar pengangguran kekal pada 3.1% pada dua bulan pertama suku ini (S3 11: 3.1%). Jumlah pemberhentian pekerja menurun kepada 2,119 orang (S3 11: 3,605 orang) disebabkan terutamanya oleh pengurangan jumlah pemberhentian pekerja dalam sektor perkilangan. Pemberhentian pekerja dalam sektor tersebut berkurang daripada 2,499 orang pada suku ketiga kepada 944 orang sahaja pada suku keempat disebabkan oleh penutupan beberapa syarikat (one-off closures) pada bulan Ogos.

Keadaan Pasaran Pekerja



Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Pada suku keempat, permintaan terhadap pekerja masih lagi tinggi, seperti ditunjukkan oleh pertambahan bilangan jawatan kosong yang diiklankan di Portal JobsMalaysia (745,205 jawatan; S3 11: 431,437 jawatan). Berbanding suku sebelumnya, peningkatan ini mencerminkan terutamanya peluang pekerjaan yang bertambah dalam sektor perkhidmatan dan pertanian. Upah benar sektor perkilangan naik pada kadar yang lebih cepat berbanding dengan suku sebelumnya (5.3%; S3 11: 3.9%).

Sektor luaran terus kukuh

Imbangan pembayaran keseluruhan terus kukuh dengan mencatat lebihan sebanyak RM6.3 bilion pada suku keempat (S3 11: RM10.9 bilion), apabila lebihan akaun semasa terus kukuh dan akaun kewangan kembali pulih untuk mencatat kedudukan aliran masuk bersih. Kesilapan dan ketinggalan (errors and omissions, E&O), termasuk pelarasan rizab suku tahunan untuk mengambil kira pengurangan nilai disebabkan oleh penilaian semula pertukaran asing, mencatat aliran keluar berjumlah RM15.9 bilion. Tidak termasuk pengurangan nilai disebabkan penilaian semula ini, E&O bersih adalah lebih kecil dan mencerminkan kesilapan dan ketinggalan dalam penyusunan data (data compilation).

Lebihan **akaun semasa** lebih rendah pada suku keempat, namun masih dalam jumlah yang besar pada RM22 bilion, bersamaan

Imbangan Pembayaran

	2010		2011		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Akaun Semasa	**23.8**	**88.1**	**26.6**	**22.0**	**97.9**
(% daripada PNK)	*11.9*	*11.9*	*12.5*	*10.1*	*11.8*
Barangan	32.3	134.7	38.2	36.9	149.4
Perkhidmatan	0.9	1.7	-2.4	-4.0	-8.4
Pendapatan	-4.0	-26.5	-3.8	-5.6	-22.0
Pindahan semasa	-5.5	-21.8	-5.3	-5.3	-21.1
Akaun Kewangan	**1.2**	**-19.8**	**-23.3**	**0.2**	**15.5**
Pelaburan langsung di luar negeri	-8.9	-42.9	-12.9	-14.4	-45.3
Pelaburan langsung asing	10.7	29.3	5.2	6.5	32.9
Pelaburan portfolio	3.5	48.5	-23.4	-2.7	30.3
Derivatif kewangan	0.1	-0.7	-0.3	-0.3	-0.1
Pelaburan lain	-4.3	-54.0	8.2	11.2	-2.4
- Sektor awam	*-0.2*	*0.2*	*-0.5*	*-0.1*	*-1.3*
- Sektor swasta	*-4.2*	*-54.2*	*8.7*	*11.2*	*-1.1*
Kesilapan dan ketinggalan	-7.0	-70.7	7.6	-15.9	-18.5
Imbangan Keseluruhan	**17.9**	**-2.6**	**10.9**	**6.3**	**94.8**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun Perdagangan

	2010		2011		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**3.3**	**15.6**	**11.4**	**9.8**	**8.7**
Perkilangan	-0.3	12.3	4.9	2.1	2.0
E&E	*-8.0*	*9.7*	*-4.0*	*-5.0*	*-5.4*
Bukan E&E	*10.2*	*15.4*	*15.8*	*10.2*	*10.7*
Komoditi	15.8	28.9	28.6	29.0	26.5
Pertanian	*31.9*	*28.3*	*44.9*	*18.9*	*32.6*
Mineral	*5.7*	*29.3*	*17.8*	*36.9*	*22.3*
Import Kasar	**10.2**	**21.7**	**7.4**	**7.6**	**8.6**
Barangan modal	9.0	12.2	5.5	8.4	9.8
Barangan pengantara	10.6	23.0	3.7	2.3	5.3
Barangan penggunaan	6.9	9.7	26.5	25.4	19.0
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**25.5**	**110.0**	**30.1**	**31.1**	**120.3**

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Malaysia: Destinasi Eksport

	2010		2011			2010		2011		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)					Bahagian daripada jumlah eksport (%)				
Amerika Syarikat	**-11.0**	**0.2**	**-3.6**	**-3.5**	**-5.5**	**9.1**	**9.5**	**8.4**	**8.0**	**8.3**
Kesatuan Eropah (EU)	**0.3**	**14.3**	**6.3**	**3.9**	**4.7**	**10.8**	**10.8**	**10.3**	**10.2**	**10.4**
Negara ASEAN terpilih[1]	**1.9**	**13.8**	**10.1**	**5.6**	**5.4**	**25.3**	**25.1**	**23.8**	**24.3**	**24.3**
Timur Laut Asia	**1.4**	**19.6**	**14.6**	**9.6**	**8.9**	**24.2**	**24.6**	**25.3**	**24.2**	**24.6**
Republik Rakyat China	*-0.5*	*18.9*	*27.1*	*15.3*	*13.9*	*12.3*	*12.5*	*14.2*	*12.9*	*13.1*
Hong Kong SAR	*-0.7*	*11.3*	*-2.2*	*-7.3*	*-3.6*	*5.0*	*5.1*	*4.5*	*4.2*	*4.5*
China Taipei	*30.6*	*39.2*	*4.3*	*14.5*	*12.4*	*3.3*	*3.2*	*3.2*	*3.4*	*3.3*
Korea	*-8.3*	*19.8*	*5.0*	*9.0*	*6.1*	*3.7*	*3.8*	*3.4*	*3.6*	*3.7*
Asia Barat	**11.0**	**4.0**	**11.9**	**6.5**	**12.1**	**3.7**	**3.5**	**3.4**	**3.5**	**3.6**
India	**20.2**	**21.0**	**36.0**	**33.7**	**34.6**	**3.3**	**3.3**	**4.3**	**4.0**	**4.1**
Jumlah eksport	**3.3**	**15.6**	**11.4**	**9.8**	**8.7**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

[1]Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

dengan 10.1% daripada PNK. Lebihan yang lebih kecil itu mencerminkan lebihan barangan yang lebih rendah, defisit perdagangan yang lebih tinggi dan aliran keluar pendapatan yang lebih besar. Lebihan barangan adalah lebih rendah sedikit pada RM36.9 bilion disebabkan oleh eksport kasar berkembang pada kadar yang lebih sederhana (9.8%; S3 11: 11.4%), manakala pertumbuhan import pula kekal mampan (7.6%; S3 11: 7.4%).

Prestasi **eksport** pada suku keempat disokong terutamanya oleh pertumbuhan dalam eksport komoditi dan barangan perkilangan bukan E&E yang kekal kukuh. Eksport komoditi terus didorong oleh harga dan permintaan terhadap komoditi yang lebih tinggi. Pertumbuhan yang mampan dalam eksport barangan bukan E&E sebahagian besarnya disebabkan oleh permintaan yang lebih tinggi bagi bahan kimia dan keluaran kimia, peralatan jentera dan alat ganti, barangan perkilangan logam, serta keluaran besi dan keluli. Walau bagaimanapun, ekonomi global yang lebih lemah telah menjejaskan permintaan terhadap keluaran E&E, terutamanya komputer dan keluaran berkaitan komputer.

Pertumbuhan **import** yang mampan pada suku keempat mencerminkan peningkatan dalam import barangan modal dan pertumbuhan yang lebih sederhana dalam import barangan pengantara dan penggunaan. Pertumbuhan yang lebih kukuh dalam import barangan modal disebabkan terutamanya oleh peningkatan import jentera untuk pengembangan kapasiti. Import barangan penggunaan meningkat pada kadar yang lebih sederhana, didorong oleh import makanan dan minuman, kelengkapan pengangkutan dan barang tahan lama pengguna. Import barangan pengantara meningkat pada kadar yang lebih sederhana, disokong oleh aktiviti yang mampan dalam sektor perkilangan, khususnya industri bukan E&E.

Pada suku keempat, defisit dalam **akaun perkhidmatan** bertambah besar kepada RM4 bilion disebabkan terutamanya oleh pembayaran bersih yang lebih tinggi bagi import perkhidmatan lain, termasuk pembayaran royalti dan yuran lesen, yuran profesional dan teknikal, serta perkhidmatan komunikasi dan pembinaan. Aliran keluar yang lebih besar dalam akaun pendapatan sebanyak RM5.6 bilion sebahagian besarnya disebabkan oleh pendapatan pelaburan yang lebih tinggi yang terakru kepada pelabur langsung asing.

Akaun kewangan kembali pulih daripada kedudukan aliran keluar bersih untuk merekodkan aliran masuk bersih yang kecil sebanyak RM0.2 bilion pada suku keempat (S3 11:-RM23.3 bilion), disebabkan oleh aliran keluar bersih dana portfolio yang jauh lebih kecil dan aliran masuk bersih yang lebih tinggi daripada pelaburan lain.

Pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih yang lebih kecil sebanyak RM2.7 bilion pada suku keempat (S3 11:-RM23.4

bilion), sebahagian besarnya mencerminkan penjualan sekuriti hutang asing dalam keadaan ketidaktentuan dan pembayaran balik hutang yang berterusan dalam pasaran kewangan global. Walau bagaimanapun, aliran keluar yang ketara lebih kecil menunjukkan sedikit peningkatan dalam sentimen pasaran pada suku keempat, seperti yang dibuktikan oleh aliran masuk bersih dana asing ke dalam pasaran ekuiti.

Pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI) mencatat aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM6.5 bilion (S3 11: + RM5.2 bilion), disokong oleh perolehan tertahan yang lebih tinggi oleh syarikat-syarikat multinasional (MNC) di Malaysia serta aliran masuk modal ekuiti yang lebih tinggi. Aliran masuk FDI adalah menyeluruh pada suku itu, sebahagian besarnya telah disalurkan ke dalam syarikat-syarikat dalam sektor perkilangan, terutamanya subsektor E&E dan petrokimia. Sektor minyak dan gas, subsektor perdagangan borong dan runcit, serta subsektor kewangan dan insurans merupakan penerima pelaburan dalam jumlah yang besar pada suku keempat. Yang penting, FDI bersih pada tahun 2011 telah meningkat kepada RM32.9 bilion daripada RM29.3 bilion pada tahun 2010, menunjukkan peningkatan yang berterusan aliran FDI ke Malaysia, meskipun dalam keadaan ekonomi global yang lebih mencabar, terutamanya pada separuh tahun kedua.

Pelaburan langsung di luar negeri (Direct Investment Abroad, DIA) oleh syarikat-syarikat Malaysia terus meningkat kepada -RM14.4 bilion pada suku keempat (S3 11: -RM12.9 bilion). DIA bersih yang lebih besar mencerminkan aliran keluar modal ekuiti yang lebih tinggi dan perolehan tertahan yang lebih besar di luar negeri bagi tujuan pelaburan semula. Pelaburan itu disalurkan terutamanya ke dalam sektor perlombongan dan perkilangan, serta subsektor kewangan dan insurans, dan hospitaliti.

Aliran masuk bersih **pelaburan lain** berjumlah RM11.2 bilion (S3 11: + RM8.2 bilion) pada suku keempat, disebabkan aliran masuk yang lebih tinggi ke dalam sektor swasta, terutamanya dalam sektor perbankan. Yang penting, aliran masuk ini mencerminkan penjualan aset asing oleh sektor perbankan di Malaysia, iaitu trend yang dialami sejak suku ketiga, seiring dengan peningkatan krisis hutang Eropah pada separuh tahun kedua. Sektor rasmi mencatat aliran keluar bersih yang kecil disebabkan oleh pembayaran balik pinjaman luar.

Hutang luar negeri lebih rendah

Jumlah hutang luar negeri Malaysia menurun kepada RM257.2 bilion atau USD80.4 bilion pada akhir bulan Disember 2011 (akhir bulan Sept: RM263.3 bilion atau USD81.8 bilion), bersamaan dengan 31% daripada PNK, dan kekal kecil dari segi sumbangannya kepada jumlah hutang[2] (12.7%).

Hutang luar negeri jangka sederhana dan jangka panjang menurun kepada RM153.3 bilion (akhir bulan Sept: RM157.8 bilion), mencerminkan sebahagiannya pembayaran balik bersih pinjaman luar dan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama terpilih pada suku itu. Terdapat pembayaran balik bersih oleh kedua-dua sektor awam dan swasta. Pembayaran balik bersih oleh sektor awam sebahagian besarnya mencerminkan pembayaran balik oleh PABK yang melebihi pengeluaran bersih yang kecil oleh Kerajaan Persekutuan.

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2010	2011	
	akhir-Dis	akhir-Sept	akhir-Dis[a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana dan panjang	147.7	157.8	153.3
Sektor awam	83.3	83.8	83.1
Sektor swasta	64.3	74.0	70.3
Hutang jangka pendek[1]	79.4	105.5	103.9
Jumlah hutang luar negeri	**227.1**	**263.3**	**257.2**
bersamaan USD bilion	72.8	81.8	80.4
Hutang luar negeri/PNK (%)	30.7	31.7	31.0
Rizab antarabangsa/Hutang luar negeri jangka pendek (kali)	4.1	4.0	4.1[2]

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[2] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 31 Januari 2012
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

[2] Jumlah hutang terdiri daripada hutang dalam negeri dan luar negeri. Hutang dalam negeri merangkumi sistem perbankan, sekuriti hutang swasta dan hutang Kerajaan Persekutuan.

Pada akhir bulan Disember 2011, **hutang luar negeri jangka pendek** telah menurun kepada RM103.9 bilion (USD32.5 bilion) daripada RM105.5 bilion pada akhir bulan September 2011, disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik peminjaman antara bank. Hutang luar negeri jangka pendek mencakupi 40.4% daripada jumlah hutang luar negeri manakala rizab antarabangsa ialah 4.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab antarabangsa kekal tinggi

Pada 31 Disember 2011, rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM423.4 bilion (bersamaan dengan USD133.6 bilion). Paras rizab pada 31 Disember 2011 ini telah mengambil kira pengurangan nilai rizab disebabkan oleh pelarasan suku tahunan penilaian semula pertukaran asing berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan beberapa mata wang utama pada suku tersebut. Pada 31 Januari 2012, rizab berjumlah RM424.8 bilion (bersamaan dengan USD134.1 bilion). Jumlah ini mencukupi untuk membiayai 9.6 bulan import tertangguh dan ialah 4.1 kali ganda hutang luar negeri jangka pendek.

Defisit fiskal tahun 2011 lebih rendah pada 5% daripada KDNK berbanding tahun sebelumnya

Pada suku keempat, Kerajaan Persekutuan menanggung jumlah perbelanjaan yang lebih tinggi sebanyak RM73.6 bilion. Perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi ini adalah disebabkan terutamanya oleh pembayaran subsidi serta geran dan pindahan kepada badan berkanun. Perbelanjaan pembangunan disalurkan terutamanya kepada sektor pengangkutan serta perdagangan dan perindustrian. Bagi tahun 2011 secara keseluruhan, Kerajaan Persekutuan mencatat defisit fiskal yang lebih rendah, iaitu 5% daripada KDNK (2010: 5.6% daripada KDNK) berikutan prestasi hasil kerajaan yang lebih kukuh pada tahun tersebut. Pada akhir bulan Disember 2011, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan sebanyak RM456.1 bilion atau 53.5% daripada KDNK.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2010		2011[a]		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Hasil	45.8	159.7	48.3	47.7	185.4
% pertumbuhan	*7.6*	*0.6*	*12.1*	*4.0*	*16.1*
Perbelanjaan mengurus	44.1	151.6	48.8	54.5	182.6
% pertumbuhan	*-4.6*	*-3.5*	*26.6*	*23.6*	*20.4*
Akaun semasa	**1.7**	**8.0**	**-0.5**	**-6.9**	**2.8**
% daripada KDNK	***0.8***	***1.0***	***-0.2***	***-3.1***	***0.3***
Perbelanjaan pembangunan kasar	20.8	52.8	12.6	19.1	46.4
% pertumbuhan	*18.6*	*6.6*	*0.3*	*-8.4*	*-12.1*
Imbangan keseluruhan	**-18.2**	**-43.3**	**-12.8**	**-25.4**	**-42.5**
% daripada KDNK	***-8.9***	***-5.6***	***-5.9***	***-11.4***	***-5.0***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan kasar	64.9	204.4	61.4	73.6	229.0
% pertumbuhan	*1.8*	*-1.0*	*20.1*	*13.4*	*12.0*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	407.1	407.1	440.8	456.1	456.1
% daripada KDNK	*53.1*	*53.1*	*51.7*	*53.5*	*53.5*
Hutang dalam negeri	390.4	390.4	422.8	438.0	438.0
% daripada KDNK	*51.0*	*51.0*	*49.6*	*51.4*	*51.4*
Hutang luar negeri	16.7	16.7	18.1	18.1	18.1
% daripada KDNK	*2.2*	*2.2*	*2.1*	*2.1*	*2.1*

[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah terus stabil

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) tidak berubah pada 3.00% pada suku keempat 2011, memandangkan risiko pertumbuhan akan menjadi lebih perlahan telah meningkat dan risiko kenaikan inflasi adalah lebih rendah. Pada kadar semasa, OPR terus menyokong aktiviti ekonomi negara.

Kadar antara bank semalaman purata (average overnight interbank rate, AOIR) stabil. Pada tempoh 1 Oktober – 31 Disember 2011, AOIR bergerak dalam julat 2.92% hingga 3.00%. Kadar antara bank bagi tempoh matang jangka pendek lain juga secara relatif stabil.

Kadar bagi swap kadar faedah (interest rate swaps, IRS) dan pasaran hadapan 3 bulan KLIBOR terus menurun pada suku keempat disebabkan oleh jangkaan pasaran yang semakin berkurang terhadap peningkatan OPR pada masa hadapan berikutan ketidakpastian yang lebih tinggi berhubung dengan pemulihan global.

Dari segi kadar pinjaman runcit, kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) disebut purata bank perdagangan stabil pada suku tersebut. Pada akhir bulan Disember, kadar FD disebut purata bagi tempoh antara 1 hingga 12 bulan masing-masing adalah antara 2.95% hingga 3.22%.

Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan menurun sedikit kepada 6.53% pada akhir bulan Disember

Swap Kadar Faedah: Kadar Faedah



Sumber: Bloomberg

Niaga Hadapan 3 Bulan KLIBOR



Sumber: Bursa Malaysia

Kadar Antara Bank Semalaman Purata Wajaran Harian



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Faedah

	2010	2011	
	S4	S3	S4
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	2.75	3.00	3.00
Kadar antara bank			
Semalaman	2.72	2.99	2.99
1 bulan	2.83	3.09	3.05
Kadar berian pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.27	6.54	6.53
Kadar pinjaman purata (ALR)			
Bank perdagangan	5.05	5.05	5.05
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
3 bulan	2.74	3.00	2.99
12 bulan	2.97	3.22	3.22

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

susulan kemasukan bank asing baharu dengan BLR yang lebih rendah pada bulan Disember. Kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul juga menjadi sederhana sedikit kepada 5.66% pada akhir bulan Disember 2011 (akhir bulan September: 5.70%). Kos peminjaman kepada sektor perniagaan dan isi rumah masih di bawah paras prakrisis dan terus menyokong ekonomi negara.

M3 terus berkembang

Agregat monetari berkembang pada kadar lebih kukuh pada suku keempat. Wang secara kecil atau M1 meningkat sebanyak RM16.3 bilion pada suku tersebut. Pada asas tahunan, M1 berkembang sebanyak 15.1% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2011: 13.3%). Wang secara luas atau M3 berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan yang lebih cepat iaitu 14.4% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2011: 12.5%), dan meningkat sebanyak RM54.9 bilion daripada suku sebelumnya.

Wang secara luas bertambah disebabkan oleh faktor dalaman dan luaran. Dari segi dalam negeri, wang secara luas berkembang susulan pemberian kredit yang meningkat oleh sistem perbankan dan penebusan sekuriti yang dikeluarkan oleh BNM oleh sektor swasta. Hal ini dicerminkan oleh peningkatan dalam kategori *tuntutan terhadap sektor swasta* dan *pengaruh lain*. Bagi sektor luaran, Malaysia mencatat aliran masuk asing bersih pada suku keempat, terutamanya daripada sektor perdagangan. Walau bagaimanapun, pengembangan wang secara luas sebahagiannya diimbangi oleh aktiviti pemerolehan dana oleh Kerajaan pada suku tersebut.

Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh				
	2010		2011		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
M3	**30.5**	**68.8**	**28.8**	**54.9**	**156.5**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-3.4	-8.1	10.4	-7.3	-12.0
Tuntutan terhadap sektor swasta	29.1	84.8	20.2	36.1	116.9
Pinjaman	*28.6*	*92.0*	*22.6*	*33.4*	*111.8*
Sekuriti	*0.5*	*-7.1*	*-2.4*	*2.7*	*5.1*
Aset asing bersih[1]	17.3	64.4	3.0	1.8	102.5
BNM	*17.2*	*30.9*	*10.7*	*6.5*	*94.5*
Sistem Perbankan	*0.1*	*33.6*	*-7.7*	*-4.7*	*8.0*
Pengaruh lain	-12.5	-72.4	-4.8	24.3	-50.9

[1] Sebelum penilaian semula

Sumber: Bank Negara Malaysia

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pembiayaan sektor swasta lebih kukuh pada suku keempat

Pada suku keempat, jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat kepada RM240.6 bilion pada suku keempat (S3 11: RM223.9 bilion). Pembiayaan yang lebih tinggi mencerminkan pengeluaran pinjaman yang meningkat pada suku tersebut. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan 12.5% pada akhir bulan Disember (S3 11: 13.4%).

Penunjuk pinjaman utama mencatat prestasi yang kukuh pada suku keempat. Dalam sektor perniagaan, sebahagian besar pinjaman dikeluarkan untuk membiayai keperluan modal kerja dalam sektor *perkilangan; perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel; kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan* dan *pembinaan*. Selain itu, pembiayaan yang diberikan untuk aktiviti penyatuan dan pengambilalihan pada suku tersebut juga bertambah sebanyak RM4.7 bilion, dan disalurkan terutamanya kepada sektor *pembinaan*. Permintaan terhadap pembiayaan baharu oleh perniagaan meningkat dengan permohonan pinjaman yang lebih tinggi terutamanya daripada sektor *pembinaan, harta tanah* dan *perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel*. Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat pada kadar pertumbuhan 13.5% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 11: 14.1%).

Pembiayaan kepada sektor isi rumah juga meningkat dengan pinjaman terkumpul berkembang sebanyak RM17.8 bilion pada suku keempat untuk meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan 12.9% pada akhir bulan Disember (S3 11: 12.5%).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2010		2011			2010		2011		
	S4	2010	S3	S4	2011	S4	2010	S3	S4	2011
Jumlah pembiayaan kasar	**221.0**	**803.6**	**223.9**	**240.6**	**890.8**	**2.1**	**8.7**	**18.2**	**8.9**	**10.8**
Pengeluaran pinjaman*	188.9	724.6	202.1	219.7	811.3	1.0	10.2	14.8	16.3	12.0
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	17.4	46.9	18.0	17.1	66.9	5.9	-16.4	61.1	-2.1	42.6
Ekuiti	14.7	32.1	3.8	3.8	12.6	12.0	23.4	79.3	-73.9	-60.7
Jumlah pembiayaan bersih (A)+(B)	**36.9**	**116.1**	**31.4**	**32.1**	**147.4**	**10.9**	**10.9**	**13.4**	**12.5**	**12.5**
Sistem perbankan	29.5	101.0	25.9	32.2	122.9	11.9	11.9	13.1	13.0	13.0
Pinjaman terkumpul (A)	*29.1*	*99.8*	*24.8*	*31.3*	*120.2*	*12.7*	*12.7*	*13.8*	*13.6*	*13.6*
Pemegangan PDS	*0.4*	*1.2*	*1.3*	*1.0*	*2.7*	*1.9*	*1.9*	*3.4*	*4.3*	*4.3*
PDS terkumpul (B)	7.8	16.3	6.8	0.8	27.2	5.9	5.9	11.9	9.3	9.3
Memoranda										
PDS kasar (termasuk Cagamas)	18.3	52.1	19.1	17.4	69.6	11.4	-11.0	32.4	-5.2	33.4

*Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas
Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2010		2011			2010		2011		
	S4	2010	S3	S4	2011	S4	2010	S3	S4	2011
Jumlah										
Permohonan pinjaman	173.5	641.3	182.9	191.6	742.2	22.9	23.0	3.7	10.5	15.7
Kelulusan pinjaman	91.8	343.4	97.3	103.2	397.8	14.1	19.7	6.7	12.4	15.8
Pengeluaran pinjaman	188.9	724.6	202.1	219.7	811.3	1.0	10.2	14.8	16.3	12.0
Bayaran balik pinjaman	167.9	649.3	188.2	195.5	725.6	3.4	9.1	13.9	16.5	11.8
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	29.1	99.8	24.6	31.3	120.2	12.7	12.7	13.8	13.6	13.6
Antaranya:										
Perusahaan perniagaan**										
Permohonan pinjaman	82.1	298.4	85.7	96.0	357.8	34.1	25.5	1.1	16.9	19.9
Kelulusan pinjaman	43.4	159.3	46.2	52.4	192.9	17.0	24.7	5.8	20.5	21.1
Pengeluaran pinjaman	124.6	483.2	135.9	150.8	543.5	-1.2	9.8	16.6	21.1	12.5
Bayaran balik pinjaman	113.0	443.1	130.2	137.8	494.7	0.2	8.8	14.6	21.9	11.6
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	13.4	28.5	8.7	13.3	44.9	9.4	9.4	14.1	13.5	13.5
PKS**										
Permohonan pinjaman	34.2	128.3	40.0	40.7	163.1	14.9	22.7	25.2	19.0	27.1
Kelulusan pinjaman	14.4	57.8	18.8	15.9	70.2	13.5	27.7	27.7	10.4	21.5
Pengeluaran pinjaman	39.8	147.2	47.0	48.5	179.9	4.0	2.7	33.4	21.9	22.3
Bayaran balik pinjaman	37.4	137.2	41.9	43.9	159.7	7.3	3.8	23.6	17.2	16.4
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	3.5	3.0	5.7	8.3	24.9	2.4	2.4	16.1	19.4	19.4
Syarikat besar										
Permohonan pinjaman	47.9	170.1	45.7	55.3	194.7	52.3	27.7	-13.4	15.5	14.4
Kelulusan pinjaman	29.1	101.5	27.5	36.5	122.7	18.9	23.1	-5.3	25.6	20.9
Pengeluaran pinjaman	84.8	336.0	88.8	102.3	363.6	-3.4	13.2	9.3	20.7	8.2
Bayaran balik pinjaman	75.6	306.0	88.3	93.9	335.0	-3.0	11.2	10.8	24.3	9.5
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	9.8	25.5	3.0	5.0	20.0	14.2	14.2	12.8	9.8	9.8
Isi rumah										
Permohonan pinjaman	91.4	342.9	97.2	95.7	384.4	14.3	20.9	6.2	4.7	12.1
Kelulusan pinjaman	48.3	184.1	51.0	50.8	204.9	11.5	15.6	7.5	5.2	11.3
Pengeluaran pinjaman	64.3	241.4	66.2	68.9	267.7	5.6	11.1	11.1	7.1	10.9
Bayaran balik pinjaman	54.9	206.2	58.0	57.7	231.0	10.6	9.8	12.4	5.2	12.0
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	14.2	57.9	15.2	17.8	63.2	13.4	13.4	12.5	12.9	12.9

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.
**Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh					Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	S4	2010	S3	S4	2011	S4 11	
	(RM bilion)					(%)	
Perusahaan perniagaan	**124.6**	**483.2**	**135.9**	**150.8**	**543.5**	**68.6**	**44.9**
Syarikat besar	*84.8*	*336.0*	*88.8*	*102.3*	*363.6*	*46.6*	*29.7*
*PKS**	*39.8*	*147.2*	*47.0*	*48.5*	*179.9*	*22.1*	*15.3*
Sektor terpilih							
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	5.3	24.6	5.3	6.1	22.9	2.8	2.2
Perlombongan dan kuari	1.2	3.5	1.6	1.3	5.1	0.6	0.5
Perkilangan	36.8	144.0	44.9	47.4	175.6	21.6	9.2
Pembinaan	11.9	42.8	10.8	14.0	45.1	6.4	4.0
Harta tanah	7.5	23.7	8.9	9.6	33.3	4.4	5.1
Bekalan elektrik, gas dan air	2.6	5.3	1.6	1.4	5.6	0.6	1.0
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	30.9	122.8	37.2	38.0	139.7	17.3	7.3
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	4.3	19.7	4.6	6.4	19.7	2.9	3.0
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	17.8	59.5	13.0	16.4	63.0	7.5	7.2
Isi rumah	**64.3**	**241.4**	**66.2**	**68.9**	**267.7**	**31.4**	**55.1**
Pembelian harta kediaman	15.1	57.8	16.8	17.0	64.5	7.8	25.5
Kredit penggunaan	39.9	149.4	40.3	41.6	162.9	18.9	19.9
Antaranya:							
Kad kredit	*23.4*	*83.1*	*22.7*	*23.6*	93.7	10.7	3.2
Pembelian kereta penumpang	*9.1*	*37.2*	*8.8*	*9.3*	*35.7*	*4.3*	*11.6*
Lain-lain	9.3	34.1	9.1	10.3	*40.3*	*4.7*	*9.7*
Jumlah	**188.9**	**724.6**	**202.1**	**219.7**	**811.3**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran modal meningkat pada suku keempat

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal meningkat kepada RM19.4 bilion pada suku keempat (S3 11: RM12.7 bilion). Daripada jumlah ini, dana bersih sebanyak RM15.9 bilion diperoleh sektor awam. Dana kasar yang diperoleh berjumlah RM19 bilion (S3 11: RM24.8 bilion) tetapi penebusan oleh sektor awam ketara lebih kecil pada RM3.1 bilion pada suku keempat (S3 11: RM23.2 bilion). Dana diperoleh melalui pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun serta Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issue, GII) 3 tahun dan 7 tahun.

Dana Bersih yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2010		2011		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Oleh Sektor Awam	**7.1**	**37.0**	**1.6**	**15.9**	**45.6**
Sekuriti kerajaan, *bersih*	7.1	34.9	1.6	15.9	47.1
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*6.6*	*37.7*	*14.0*	*12.9*	*58.8*
Terbitan Pelaburan Kerajaan	*3.0*	*21.0*	*10.8*	*6.1*	*36.4*
Tolak: Penebusan	*2.5*	*23.9*	*23.2*	*3.1*	48.1
Bon Khazanah, *bersih*	-	-	-	-	-
Bon Simpanan, *bersih*	(0.1)	2.2	(0.0)	(0.0)	(1.6)
Oleh Sektor Swasta	**23.4**	**50.5**	**11.1**	**3.5**	**37.1**
Saham	14.7	32.1	3.8	3.8	12.6
Sekuriti hutang, *bersih*	8.7	18.4	7.3	0.3	24.5
Sekuriti Hutang Swasta	*18.3*	*52.1*	*19.1*	*17.4*	*69.6*
Tolak: Penebusan	*9.6*	*33.8*	*11.8*	*17.7*	*45.1*
Jumlah	**30.5**	**87.5**	**12.7**	**19.4**	**82.7**

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Dalam sektor swasta, terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) baharu berjumlah RM17.4 bilion (S3 11: RM19.1 bilion). Sama seperti suku sebelum ini, dana digunakan terutamanya untuk modal kerja dan tujuan korporat am. Dana yang diperoleh untuk aktiviti baharu, pembiayaan semula serta penyatuan dan pengambilalihan juga bertambah. Pasaran ekuiti memperoleh dana sebanyak RM3.8 bilion pada suku keempat.

Sebahagian besar daripada dana ini diperoleh melalui terbitan hak (RM3.1 bilion), dan bakinya melalui tawaran awam awal (RM0.7 bilion). Selepas membuat pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor swasta berjumlah RM3.5 bilion.

Kadar hasil bon menurun

Kadar hasil MGS untuk tempoh jangka pendek dan sederhana terus menurun pada suku keempat. Meskipun pasaran kewangan antarabangsa tidak menentu, minat bukan pemastautin terhadap pasaran bon dalam negeri masih berterusan. Tanda aras MGS 3 tahun dan 5 tahun masing-masing mencatat penurunan sebanyak 19 dan 17 mata asas pada suku keempat 2011.

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



[1] Termasuk terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas
* Termasuk modal kerja dan aktiviti perniagaan am

Sumber: Bank Negara Malaysia

Arah Aliran Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Hasil MGS (5 tahun) dan Kadar Hasil Bon Korporat (5 tahun)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dalam pasaran PDS, kadar hasil bon korporat turut mencatat penurunan yang sedikit, sejajar dengan kadar hasil MGS. Kertas penarafan AAA, AA dan A 5 tahun masing-masing mencatat penurunan sebanyak 8, 3 dan 3 mata asas.

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon menurun pada suku keempat

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder menurun kepada RM209 bilion pada suku keempat (S3 11: RM344 bilion), disebabkan oleh musim cuti hujung tahun. Segmen MGS dan GII mencatat nisbah mudah tunai lebih rendah, masing-masing pada 0.46 dan 0.42. Walau bagaimanapun, ini sebahagiannya diimbangi oleh segmen PDS yang mencatat nisbah mudah tunai yang lebih tinggi sedikit pada 0.11.

Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga / Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

KLCI meningkat pada suku keempat

FBM (FTSE Bursa Malaysia) KLCI meningkat 143.6 mata untuk ditutup pada 1,530.7 pada suku keempat (akhir bulan September: 1,387.1). Indeks meningkat sebanyak 10.4% pada suku tersebut (S3 11: -12.2%) berikutan pasaran kembali pulih daripada aktiviti penjualan pada suku sebelumnya. Sikap optimis terhadap data ekonomi Malaysia dan ekonomi rakan perdagangan utama negara yang lebih baik daripada jangkaan telah meningkatkan keyakinan dan menarik

Prestasi Pasaran Ekuiti Global dan Serantau Terpilih pada 2011 (% pertumbuhan suku tahunan)



Sumber: Bloomberg dan pengiraan oleh Bank Negara Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	2010		2011		
	Pada akhir				
	Dis	Tahun	Sept	Dis	Tahun
Indeks harga					
Komposit	1,518.9	1,518.9	1,387.1	1,530.7	1,530.7
FBMEMAS[1]	10,375.0	10,375.0	9,397.6	10,489.1	10,489.1
Pasaran ACE[2]	4,347.6	4,347.6	3,598.0	4,068.6	4,068.6
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,275.3	1,275.3	1,172.3	1,284.5	1,284.5
Bilangan syarikat yang disenaraikan	957	957	952	941	941
	Pada tempoh suku				
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
Urus niaga harian purata					
Jumlah (juta unit)	1,276.5	1,021.2	1,018.9	1,615.5	1,343.8
Nilai (RM juta)	2,002.5	1,573.9	1,887.4	1,411.7	1,566.1

[1] FBMEMAS mewakili indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2010				2011					
	S4		Tahun		S3		S4		Tahun	
	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion
Urus niaga	79.1	124.2	268.0	413.0	63.2	117.0	98.5	86.1	329.2	438.2
Antaranya:										
Papan Utama	65.7	121.1	225.5	403.3	47.4	114.4	68.3	81.6	249.3	424.5
Antaranya										
Produk Pengguna	3.6	5.5	15.3	19.3	2.9	4.9	8.1	6.0	19.1	21.3
Produk Industri	15.4	22.7	47.6	58.9	7.9	12.9	14.6	10.7	51.8	60.5
Pembinaan	4.5	8.7	16.4	29.0	3.3	6.1	2.7	4.1	13.5	25.1
Dagangan/Khidmat	19.3	40.0	68.2	140.2	15.7	42.6	20.1	28.2	86.4	153.4
Kewangan	4.6	22.7	17.7	86.2	5.7	31.1	6.0	15.5	20.9	92.1
Harta Benda	11.5	8.8	33.1	21.6	6.8	7.8	8.4	6.7	34.3	31.4
Perladangan	2.3	7.9	6.1	25.5	1.9	5.6	2.0	4.9	7.4	23.9
Infrastruktur	1.7	2.4	5.8	8.9	0.9	2.2	1.3	2.6	4.0	9.3
Pasaran ACE[1]	5.6	1.3	20.3	3.9	9.8	1.5	18.7	2.7	47.7	7.5

[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

semula minat para pelabur terhadap ekuiti dalam negeri. Hasilnya, permodalan pasaran meningkat kepada RM1.28 trilion pada akhir bulan Disember (akhir bulan September: RM1.17 trilion) manakala urus niaga purata harian meningkat kepada 1.62 bilion unit pada suku keempat (S3 11: 1.02 bilion unit). Kepentingan terbuka dalam pasaran hadapan FBM KLCI meningkat kepada 23,505 kontrak pada akhir suku keempat 2011 (S3 2011: 21,447). Pada 13 Februari 2012, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,562.8 mata (sejak akhir bulan Disember: +2.10%), dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.344 trilion (sejak akhir bulan Disember: +4.7%).

Ringgit lebih kukuh berbanding dengan mata wang utama

Pasaran pertukaran asing global terus tidak menentu pada suku terakhir tahun 2011 kerana ketidakpastian yang menyelubungi krisis hutang kerajaan Eropah terus mempengaruhi sentimen pelabur terhadap aset pasaran sedang pesat membangun. Pada amnya, prestasi kadar pertukaran asing sebahagian besarnya merupakan tindak balas pasaran terhadap laporan perkembangan di Eropah. Walau bagaimanapun, bagi suku keempat secara keseluruhan, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS), sebahagian besarnya disebabkan oleh keyakinan berikutan data ekonomi yang lebih baik daripada jangkaan, terutamanya di AS dan China. Pengumuman

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih Peratus Perubahan (1 Oktober - 31 Disember 2011)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

tentang langkah bank pusat yang terselaras pada 30 November 2011 untuk mempertingkat sokongan mudah tunai kepada sistem kewangan global juga membantu memulihkan keyakinan

pasaran dan menggalakkan permintaan yang lebih tinggi terhadap aset pasaran sedang pesat membangun. Secara keseluruhan, sejajar dengan trend serantau, ringgit menambah nilai sebanyak 0.4% berbanding dolar AS pada suku keempat. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menambah nilai berbanding euro (5.0%), yen Jepun (1.7%) dan paun sterling (1.6%). Berbanding mata wang serantau, ringgit bertambah kukuh berbanding dengan rupiah Indonesia (4.5%), baht Thailand (2.3%), dolar Singapura (0.4%) dan peso Filipina (0.4%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan renminbi China (-0.9%) dan won Korea (-1.5%).

Pada tempoh antara 1 dan 13 Februari 2012, ringgit menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (5.1%), dolar AS (5.0%), euro (2.6%) dan paun sterling (2.5%). Ringgit secara amnya bertambah kukuh berbanding dengan mata wang serantau, dan menambah nilai dalam julat 1.3% dan 4.9%.

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S4 10	S3 11	S4 11	21 Jul 05	S4 10	S3 11
Dolar AS	3.8000	3.0835	3.1910	3.1770	19.6	-2.9	0.4
Euro	4.6212	4.0804	4.3160	4.1118	12.4	-0.8	5.0
Paun sterling	6.6270	4.7817	4.9738	4.8962	35.3	-2.3	1.6
100 yen Jepun	3.3745	3.7869	4.1663	4.0975	-17.6	-7.6	1.7
Dolar Singapura	2.2570	2.3859	2.4537	2.4427	-7.6	-2.3	0.4
100 baht Thailand	9.0681	10.227	10.236	10.009	-9.4	2.2	2.3
100 peso Filipina	6.8131	7.0400	7.2746	7.2468	-6.0	-2.9	0.4
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0344	0.0362	0.0347	11.5	-0.9	4.5
100 won Korea	0.3665	0.2707	0.2703	0.2746	33.5	-1.4	-1.5
Renminbi China	0.4591	0.4662	0.4988	0.5034	-8.8	-7.4	-0.9

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia

MENGURUSKAN RISIKO TERHADAP KESTABILAN KEWANGAN

Kestabilan kewangan kekal teguh

Kestabilan kewangan telah dikekalkan meskipun ketidakpastian dan cabaran yang dihadapi oleh persekitaran luaran berterusan. Institusi kewangan dengan kedudukan modal yang kukuh dan pasaran kewangan yang berfungsi dengan baik terus memberikan sokongan kepada aktiviti pengantaraan kewangan dalam ekonomi dalam negeri. Sementara itu, pasaran kewangan terus menunjukkan keupayaan untuk bertahan daripada kejutan luar dan mengantara aliran kewangan dan turun naik yang lebih ketara dalam keadaan terdapatnya kebimbangan yang semakin meningkat terhadap risiko kerajaan di kawasan euro.

Pada suku keempat, beberapa inisiatif penting telah diperkenalkan oleh Bank. Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 telah dilancarkan pada 21 Disember 2011. Pelan yang bertemakan "Memperkasakan Masa Depan" ini telah melakarkan hala tuju dan inisiatif masa hadapan untuk membangunkan sektor kewangan yang terbaik untuk ekonomi dan bagi membantu pertumbuhan dan transformasi ekonomi untuk tempoh sepuluh tahun yang akan datang. Pelan ini dijangka memudahkan pewujudan sistem kewangan bertaraf dunia yang akan membolehkan negara beralih ke arah ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi. Untuk mencapai matlamat ini, usaha akan ditumpukan kepada sembilan bidang utama yang berikut: pengantaraan berkesan ke arah pembentukan ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi; pembangunan pasaran kewangan yang meluas dan dinamik; perkongsian kemakmuran yang lebih meluas melalui rangkuman kewangan; mengukuhkan integrasi kewangan serantau dan antarabangsa; pengantarabangsaan kewangan Islam; rejim pengawalan dan penyeliaan bagi memelihara kestabilan sistem kewangan; pembayaran secara elektronik untuk meningkatkan kecekapan ekonomi; memperkasakan pengguna; dan pembangunan tenaga mahir untuk menyokong sektor kewangan yang lebih dinamik.

Pemerkasaan dan perlindungan pengguna kekal menjadi agenda penting Bank. Pada bulan November 2011, Bank memperkenalkan Garis Panduan mengenai Pembiayaan yang Bertanggungjawab bagi menggalakkan amalan pembiayaan runcit yang berhemat, bertanggungjawab dan telus. Garis panduan ini melengkapi langkah kehematan lain yang diperkenalkan oleh Bank yang bertujuan untuk mewujudkan pasaran kredit runcit yang mampan kepada pengguna. Garis panduan yang serupa, yang perlu dipatuhi oleh koperasi yang terlibat dalam aktiviti pembiayaan, juga dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2011. Akta ini bertujuan untuk menyokong pembangunan industri perniagaan perkhidmatan wang yang lebih dinamik, berdaya saing dan profesional, sambil memperkukuh perlindungan daripada pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan aktiviti haram. Akta ini menyediakan rangka kerja pengawalseliaan yang lebih bersepadu bagi pengendalian perniagaan pengurupan wang, perniagaan pengiriman wang dan perniagaan wang borong, dan peruntukan yang lebih ketat supaya pemantauan dan pengawasan industri perniagaan perkhidmatan wang dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Risiko keseluruhan terhadap kestabilan kewangan adalah terkawal. Prospek risiko kredit bagi sistem perbankan terus stabil berlatarkan kekukuhan asas-asas ekonomi serta keteguhan dan daya tahan keinstitusian. Kualiti aset sistem perbankan meningkat dengan nisbah jumlah pinjaman terjejas pada 1.8% (S3 11: 2.0%) daripada pinjaman bersih dan jumlah pinjaman tertunggak (bagi tempoh satu bulan hingga kurang daripada tiga bulan) pada 2.6% (S3 11: 2.8%) daripada pinjaman kasar.

Dalam segmen isi rumah, pertumbuhan dalam pembiayaan bagi pembelian harta kediaman yang diberikan oleh sistem perbankan menjadi sederhana sedikit kepada 3.2% (S3 11: 3.3%).

Walau bagaimanapun, penyederhanaan ini telah diimbangi oleh pembiayaan kad kredit dan pembiayaan peribadi yang lebih tinggi pada suku tersebut, menghasilkan pertumbuhan lebih tinggi dalam jumlah hutang isi rumah terkumpul (S4 11: 3.3%; S3 11: 2.9%). Secara keseluruhan, jumlah pinjaman terjejas bagi pembiayaan isi rumah tidak berubah pada 1.8% pada suku keempat (S3 11: 1.9%).

Sistem perbankan domestik terus memberikan sokongan kepada pengembangan perniagaan. Pinjaman kepada sektor perniagaan meningkat sebanyak 3.6% (S3 11: 2.5%). Risiko pinjaman gagal dibayar (risk of delinquency), seperti yang diukur oleh kebarangkalian jangkaan mungkir, bagi perniagaan menjadi lebih sederhana kepada 0.68% (S3 11: 0.79%), disokong oleh keupayaan khidmat bayar balik hutang yang berterusan oleh perniagaan. Nisbah pembayaran kepada pengeluaran menjadi sederhana sedikit kepada 84% (S3 11: 92%) disebabkan oleh pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi pada suku tersebut. Jumlah pinjaman terjejas sektor perniagaan bertambah baik untuk mencakupi 4.1% daripada pinjaman perniagaan kasar (S3 11: 4.4%).

Sistem Perbankan: Kualiti pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pasaran kewangan domestik kekal teratur dan menunjukkan keupayaan yang kukuh untuk mengantara aliran yang ketara turun naik meskipun penghindaran risiko pelabur lebih tinggi ekoran kebimbangan risiko kerajaan yang semakin meningkat di kawasan euro. Spread bida-tawar dan nisbah pusing ganti dalam pasaran hutang dan ekuiti masih hampir dengan paras puratanya dalam sejarah dalam keadaan biasa. Kesan turun naik yang ketara dalam pasaran kewangan terhadap dedahan risiko institusi kewangan Malaysia kekal terurus. Dedahan sistem perbankan terhadap risiko ekuiti terus terkawal pada 0.9% daripada modal asas (S3 11: 0.7%), manakala dedahan sektor insurans terhadap risiko ekuiti meningkat sedikit kepada 6.9% (S3 11: 6.6%) daripada modal asas. Dedahan risiko kadar faedah kekal stabil pada 4.9% daripada modal asas bagi sistem perbankan manakala bagi sektor insurans pula mencakupi 3.8% daripada modal asas (S3 11: 3.4%).

Sektor kewangan kekal berdaya tahan dalam persekitaran mencabar

Permodalan sektor kewangan terus teguh. Nisbah modal teras dan nisbah modal wajaran risiko sistem perbankan kekal kukuh, masing-masing pada 12.9% (S3 11: 12.6%) dan 14.9% (S3 11: 14.8%). Yang ketara, 86.8% daripada jumlah modal merupakan modal Kumpulan 1 berkualiti tinggi, yang terdiri daripada modal berbayar dan rizab. Modal melebihi keperluan minimum kawal selia 8% kekal tinggi pada RM71.4 bilion. Oleh itu, sistem perbankan berada pada kedudukan yang baik untuk bertahan daripada sebarang kerugian di luar jangkaan dalam keadaan kewangan dan ekonomi yang mungkin menjadi buruk. Sektor insurans juga mengekalkan nisbah kecukupan modal yang kukuh iaitu 222.5% (S3 11: 220.7%) dan lebihan penampan modal sebanyak RM20.1 bilion.

Sistem Perbankan: Permodalan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor perbankan terus mencatat keberuntungan yang berterusan. Keuntungan sebelum cukai sistem perbankan berjumlah RM5.9 bilion (S3 11: RM6.7 bilion).

Sektor Insurans: Pemodalan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Keberuntungan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Nisbah Penampan Mudah Tunai kepada Jumlah Deposit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans dan Takaful: Penunjuk

	2010		2011		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM juta				
Insurans hayat & takaful keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	3,233.5	14,095.5	1,315.0	4,314.5	12,641.7
Insurans am & takaful am					
Keuntungan kendalian	563.7	2,144.4	441.7	234.3	1,787.1
	%				
Nisbah tuntutan (pada akhir tempoh)	62.1		62.5	65.8	

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pendapatan yang lebih tinggi daripada aktiviti pembiayaan dan kos pendanaan yang lebih rendah sebahagiannya telah diimbangi oleh kos overhed dan pekerja yang bertambah serta peruntukan yang lebih tinggi untuk pinjaman terjejas (selepas ditolak bayaran balik) oleh sebuah institusi perbankan sebagai sebahagian daripada langkah untuk mengukuhkan kedudukan kewangannya.

Perniagaan insurans hayat dan takaful keluarga mencatat lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan yang lebih tinggi sebanyak RM4.3 bilion (S3 11: RM1.3 bilion) disebabkan terutamanya oleh pengunderaitan perniagaan yang berterusan selain keuntungan yang diperoleh daripada penilaian pasaran yang bertambah baik terhadap pelaburan dalam pasaran modal. Sementara itu, penanggung insurans am dan pengendali takaful am mencatat kerugian pengunderaitan sebanyak RM142.9 juta (S3 11: keuntungan pengunderaitan sebanyak RM181.7 juta) disebabkan terutamanya oleh peruntukan yang lebih tinggi bagi dedahan penanggung insurans semula terhadap bencana alam termasuk banjir di Thailand baru-baru ini. Hasilnya, keuntungan kendalian adalah lebih rendah iaitu RM234.3 juta (S3 11: RM441.7 juta). Perniagaan 'motor di bawah akta' terus menjejaskan keuntungan dengan nisbah tuntutan yang lebih tinggi sebanyak 300% (S3 11: 289.2%).

Daya tahan sistem perbankan juga diperkukuh oleh mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem kewangan. Penampan mudah tunai keseluruhan adalah 18% daripada jumlah deposit bagi keperluan mudah tunai yang matang dalam tempoh satu bulan, jauh melebihi paras berhemat untuk memenuhi permintaan untuk pengeluaran dan kewajipan mudah tunai.

Sidang Kemuncak Perisikan Kewangan Islam (IFIS) 2011 'Landskap Kewangan Islam Baharu' Kuala Lumpur, 15 November 2011

Ucaptama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Dekad ini telah menyaksikan perubahan yang dramatik dalam landskap kewangan Islam. Sebagai sebuah industri yang dinamik, kewangan Islam memberikan respons terhadap perubahan yang berlaku berikutan keperluan ekonomi benar, dan corak serta kadar globalisasi yang berubah-ubah, serta reformasi kewangan secara meluas yang sedang dilaksanakan pada peringkat antarabangsa dan kebangsaan. Transformasi sistem kewangan Islam ini juga berlaku pada tempoh yang paling mencabar, iaitu ketika dunia memasuki tahun kelima krisis kewangan global. Satu aspek utama landskap kewangan Islam yang baharu ialah meningkatnya tumpuan terhadap kestabilan kewangan untuk mempertingkat potensinya sebagai suatu bentuk pengantaraan kewangan dalam persekitaran yang semakin mencabar.

Saya amat berbesar hati kerana dapat menghadiri Sidang Kemuncak Perisikan Kewangan Islam anjuran *The Banker* dengan kerjasama Bank Negara Malaysia, yang diadakan di Kuala Lumpur tahun ini untuk menyampaikan ucapan mengenai 'Landskap Kewangan Islam Baharu'. Acara yang diadakan buat julung kali di luar kota London ini mempertemukan pengamal daripada komuniti kewangan dari seluruh pelosok dunia. Meskipun fokus Sidang Kemuncak ini adalah terhadap kewangan Islam, jelas bahawa kita tidak dapat mengelak daripada berbincang mengenai perkembangan yang sedang berlaku di Eropah, memandangkan kesannya yang mungkin menular kepada rantau lain di dunia dan keperluan untuk melaksanakan strategi dan dasar bagi mengendalikan implikasi daripada perkembangan ini.

Walaupun penyelesaian kewangan yang dilaksanakan untuk menangani krisis dan langkah-langkah yang diperkenalkan untuk mengurangkan kesan krisis ini oleh rantau lain di dunia adalah penting, ini hanya merupakan penyelesaian sementara. Hakikatnya, penstrukturan dan pembaharuan dasar yang lebih mencabar untuk dilaksanakan yang akan memastikan asas kewangan kekal stabil dan pemulihan ekonomi kendiri berterusan.

Ucapan saya hari ini akan tertumpu pada perubahan dalam landskap kewangan Islam dan potensinya yang lebih besar untuk menyumbang kepada pertumbuhan yang mampan, peningkatan kesalinghubungan antarabangsa berikutan bertambah pesatnya kadar pengantarabangsaan kewangan Islam dan perkembangan baharu untuk mencapai kestabilan kewangan dalam sistem kewangan Islam. Perubahan landskap kewangan dan pengembangan kewangan Islam yang pesat juga telah menyebabkan perubahan dalam ciri perkhidmatan sokongan profesional, termasuk pendidikan yang disediakan untuk sektor perniagaan dan kewangan.

Kewangan Islam dan Usaha Mengekalkan Pertumbuhan yang Mampan

Pengembangan sistem kewangan Islam untuk menjadi lebih pelbagai dan menyeluruh bagi memenuhi keperluan ekonomi benar yang berubah-ubah sebenarnya meningkatkan potensinya untuk menjana pertumbuhan yang mampan. Memandangkan prinsip dalaman kewangan Islam memerlukan urus niaga kewangan didasarkan kepada aktiviti ekonomi sebenar, ini telah memastikan hubungan yang rapat antara pengembangan dalam aset kewangan dengan ekonomi benar. Dengan peralihan sistem kewangan Islam daripada hanya tertumpu pada aktiviti perbankan kepada penyediaan perkhidmatan

yang lebih pelbagai dan komprehensif, ia telah dapat menyediakan spektrum produk dan perkhidmatan kewangan kepada pelbagai aktiviti dalam ekonomi, seperti yang dikehendaki oleh perniagaan kecil hinggalah syarikat konglomerat, dan oleh isi rumah hinggalah individu yang mempunyai nilai bersih aset kewangan yang tinggi.

Pembangunan pengantara yang sebelum ini didominasi oleh bank kini mencakupi pelbagai institusi kewangan yang juga meliputi perbankan pelaburan, institusi perbankan khusus, syarikat takaful, pengantara pasaran modal dan institusi kewangan mikro. Pasaran kewangan, termasuk pasaran wang Islam dan pasaran sukuk, telah memainkan peranan penting dalam pengantaraan dana dalam sistem kewangan Islam. Pasaran wang Islam bukan sahaja membantu pengurusan mudah tunai bahkan pelaksanaan dasar monetari. Pasaran sukuk telah membantu pemerolehan dana oleh sektor perniagaan, di samping menyediakan pelabur dengan pelbagai instrumen pelaburan lantas memudahkan penggunaan dan pengagihan dana kepada aktiviti ekonomi yang produktif.

Berserta penyelidikan dan pembangunan, inovasi telah menjadi bertambah giat. Walau bagaimanapun, kewangan Islam mempunyai pengaturan tadbir urus yang memerlukan proses kelulusan oleh penasihat Syariah. Ini memastikan asas penciptaan instrumen kewangan adalah tulen dan bukan daripada instrumen kewangan lain. Prinsip seterusnya, iaitu perkongsian keuntungan dan risiko, juga memastikan tahap ketelusan dan penzahiran yang tinggi, lantas menyebabkan perkongsian tanggungjawab yang lebih besar terhadap daya maju produk.

Perkembangan kewangan Islam yang pesat dicerminkan dalam lebih 600 institusi kewangan Islam yang beroperasi di lebih 75 buah negara di pusat-pusat yang kini melangkaui negara Islam. Malah, kewangan Islam kini semakin menjadi sebahagian daripada strategi pertumbuhan bagi sebilangan besar institusi kewangan global. Pasaran baharu juga muncul dengan pesat berikutan perubahan dalam perundangan dan pengawalseliaan dalam beberapa pasaran bukan tradisional yang kini muncul sebagai segmen paling pesat berkembang dalam sistem kewangan antarabangsa. Malah, laporan terkini The Banker mengenai 500 Institusi Kewangan Islam teratas pada tahun 2011 yang dikeluarkan pada Sidang Kemuncak ini menunjukkan bahawa industri kewangan Islam global terus mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 21%, dengan aset berlandaskan Syariah kini melepasi paras USD1 trilion.

Perkembangan pesat kewangan Islam pada asasnya mencerminkan keupayaannya untuk memenuhi keperluan komuniti kewangan global yang berubah-ubah dan juga daya saingnya. Elemen semakan dan imbangan dalam kewangan Islam yang menggalakkan kebertanggungjawaban dan ketelusan meningkatkan potensinya sebagai suatu bentuk pengantaraan kewangan yang stabil. Selain itu, prinsip dalaman kewangan Islam yang sejajar dengan dimensi mampan kewangan beretika dan pembiayaan yang bertanggungjawab, juga semakin diiktiraf.

Sambil landskap kewangan baharu terbentuk, ia turut diiringi oleh pembangunan perkhidmatan sokongan profesional yang meliputi undang-undang, perakaunan, percukaian dan khidmat nasihat Syariah. Di samping itu, terdapat juga pembangunan indeks Islam, perkhidmatan penyimpanan maklumat dan perundingan. Dalam bidang pembangunan modal insan terdapat pengembangan program dan persijilan yang memberi fokus kepada kewangan Islam. Malaysia adalah komited dalam usaha ini dan telah mewujudkan infrastruktur tenaga mahir kewangan Islam yang menyeluruh dengan matlamat untuk memenuhi permintaan industri kewangan Islam global yang semakin meningkat terhadap tenaga mahir. Institusi pembelajaran khusus seperti Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) dan Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, IBFIM) telah ditubuhkan untuk memberikan tumpuan pada bidang pendidikan kewangan Islam.

Kesalinghubungan Antarabangsa yang Semakin Nyata dan Kewangan Islam

Walaupun ekonomi dan sistem kewangan antarabangsa terus mengalami tekanan, adalah mustahak untuk diketahui bahawa transformasi global jangka panjang yang penting sedang berlaku. Dalam dekad yang baru lalu, kebangkitan serentak ekonomi sedang pesat membangun menyebabkan penjajaran semula yang penting dalam landskap global. Transformasi ini bercirikan peralihan dalam imbangan kekuatan ekonomi global kepada ekonomi sedang pesat membangun, dengan implikasi yang besar terhadap ekonomi dan aliran kewangan global. Sehubungan dengan ini, landskap kewangan antarabangsa juga akan berubah dengan kedudukan pusat kewangan menjadi lebih tersebar, dengan kemunculan pusat-pusat kewangan baharu. Di samping itu, kesalinghubungan antarabangsa sistem kewangan - terutamanya dalam kalangan ekonomi sedang pesat membangun - akan lebih mendalam, disokong oleh peningkatan perdagangan dan pelaburan global yang sedang berlaku. Dengan adanya kapasiti yang tinggi untuk memenuhi keperluan pelaburan yang besar, peluang adalah terbuka bagi penyaluran lebihan dana yang besar ini secara lebih berkesan dan cekap ke dalam pelaburan produktif yang luas di dalam dan merentas ekonomi sedang pesat membangun.

Trend tersebut akan diperkukuh dengan pengembangan pesat institusi kewangan dalam ekonomi sedang pesat membangun melalui perluasan operasi mereka melangkaui sempadan negara masing-masing. Saiz dan kekuatan institusi kewangan dari ekonomi sedang pesat membangun telah meningkat dengan ketara dalam dekad baru lalu, dan kini mencakupi hampir separuh daripada nilai pasaran industri kewangan di seluruh dunia. Lapan daripada 20 bank terbesar dunia, termasuk dua di tempat teratas, merupakan institusi kewangan pasaran sedang pesat membangun. Sambil institusi kewangan pasaran sedang pesat membangun terus melalui proses penyerantauan dan pengantarabangsaan, peranan dan kepentingan mereka dijangka terus berkembang. Satu lagi perkembangan penting ialah integrasi pasaran kewangan dalam kalangan ekonomi sedang pesat membangun, yang didorong sebahagiannya oleh kesalinghubungan ekonomi dan trend liberalisasi dalam sektor kewangan yang semakin meningkat.

Pengantarabangsaan kewangan Islam yang pesat sedang memperkukuh trend ini dan meningkatkan kesalinghubungan ekonomi dan kewangan antara ekonomi sedang pesat membangun. Paras tabungan dan pengumpulan kekayaan yang tinggi dalam beberapa ekonomi sedang pesat membangun, termasuk di Asia dan Timur Tengah, perlu disalurkan dengan cekap ke dalam pelaburan yang produktif termasuk untuk pembangunan infrastruktur yang besar. Dalam persekitaran ini, kewangan Islam telah muncul sebagai suatu bentuk pengantaraan berdaya maju dan menarik termasuk untuk pembiayaan projek infrastruktur berskala besar. Contoh terkini termasuk Dana Infrastruktur Islam berjumlah USD500 juta yang ditubuhkan pada tahun 2009 oleh Bank Pembangunan Asia (Asian Development Bank, ADB) dan Bank Pembangunan Islam (Islamic Development Bank, IDB) untuk memenuhi keperluan pembiayaan berlandaskan Syariah dalam negara-negara anggota.

Selain itu, kemajuan yang dicapai dalam pasaran sukuk juga membuktikan keupayaan kewangan Islam dalam memenuhi keperluan permintaan ekonomi moden yang berbeza-beza. Terbitan sukuk RMB luar pesisir yang pertama di dunia oleh Khazanah Nasional di Malaysia baru-baru ini mencerminkan trend terbitan sukuk pelbagai mata wang yang semakin popular di Asia. Pasaran sukuk global yang berkembang pada kadar tahunan purata 40 peratus membuktikan keupayaannya sebagai pengantara dana merentas sempadan yang berkesan kerana berjaya mengagihkan dana dalam sistem kewangan antarabangsa dengan cekap dan pantas, lantas semakin menjadi pilihan utama dalam pembiayaan dan penjanaan modal.

Kewangan Islam dan Kestabilan Kewangan

Satu aspek penting dalam landskap kewangan baharu ialah fokus yang lebih besar terhadap kestabilan kewangan. Sistem yang lebih berorientasikan pasaran dengan aktiviti kewangan berasaskan pasaran, penciptaan instrumen kewangan yang baharu dan pertambahan peserta pasaran dengan jangkauan global, serta sistem kewangan yang lebih berhubung kait telah meningkatkan potensi dan saluran bagi kejutan kewangan disebarkan kepada ekonomi, dan merentas sempadan. Sesungguhnya, pengalaman krisis baru-baru ini juga telah melahirkan perspektif baharu dalam jaringan hubungan yang kompleks, yang wujud antara risiko kerajaan, kewangan dan ekonomi, dan menekankan akan pentingnya pengukuhan tonggak kestabilan kewangan yang boleh berperanan sebagai pembendung impak daripada sesuatu krisis.

Fokus yang meningkat terhadap kestabilan kewangan mempunyai beberapa implikasi terhadap landskap kewangan baharu. Yang paling ketara ialah perubahan asas yang penting dalam persekitaran pengawalseliaan. Ini termasuk perubahan ke atas pengaturan institusi untuk pengawasan sistem kewangan – pada peringkat antarabangsa dan dalam sempadan beberapa buah negara, piawaian kehematan yang diperkukuh dengan nyata, dengan fokus terhadap pembinaan penampan modal dan mudah tunai yang lebih kukuh, peningkatan ketelusan dalam urus niaga kewangan dan juga pendedahan kewangan, dan pilihan kaedah penyelesaian yang lebih baik bagi institusi kewangan yang gagal.

Sejak penubuhannya pada tahun 2002, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB) telah mencapai banyak kemajuan dalam menyebarluaskan piawaian kehematan yang menyeluruh untuk industri perkhidmatan kewangan Islam. IFSB telah memperkenalkan piawaian untuk kecukupan modal, pengurusan risiko, tadbir urus korporat dan tadbir urus Syariah. Inisiatif penting ini telah dengan nyata menggalakkan keseragaman antarabangsa bagi rangka kerja pengawalseliaan dan amalan terbaik antarabangsa untuk sistem kewangan Islam dalam negara yang berbeza. IFSB juga telah menyediakan satu platform pemudah cara untuk menggalakkan kestabilan kewangan yang menyeluruh melalui Forum Kestabilan Kewangan Islam (Islamic Finance Stability Forum, IFSF) yang berfungsi sebagai saluran untuk hubungan merentas sempadan dalam kalangan pengawal selia.

Matlamat penting untuk mengukuhkan asas sistem kewangan Islam global juga telah diperkukuh berikutan berlakunya krisis kewangan global baru-baru ini, melalui usaha Pasukan Petugas Kewangan Islam dan Kestabilan Kewangan Global IFSB-IDB. Dalam laporan yang dikeluarkan oleh pasukan tersebut pada tahun 2010, **lapan asas pembangunan** telah dikenal pasti untuk menguruskan risiko dan ancaman yang mungkin timbul terhadap sistem kewangan Islam. Ini termasuk langkah-langkah yang perlu diambil untuk pelaksanaan piawaian kehematan; pembangunan infrastruktur pengurusan mudah tunai; pengenalan jaring keselamatan kewangan yang kukuh; pembangunan rangka kerja pengurusan dan penyelesaian krisis yang berkesan: pembangunan dan pelaksanaan standard perakaunan, pengauditan dan penzahiran; penggubalan rangka kerja kehematan makro yang berkesan; pembangunan institusi dan proses penarafan kredit yang berwibawa; dan akhirnya, untuk memperkukuh usaha bina upaya dan pembangunan tenaga mahir untuk industri perkhidmatan kewangan Islam.

Susulan kepada cadangan-cadangan ini, Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa (International Islamic Liquidity Management Corporation, IILM) telah ditubuhkan tahun ini untuk mengukuhkan pengurusan mudah tunai institusi kewangan Islam. Inisiatif ini merupakan kerjasama 10 Bank Pusat dan dua institusi pembangunan pelbagai hala. Penubuhan IILM bertujuan untuk meningkatkan penyediaan mudah tunai menerusi instrumen pasaran kewangan Islam berasaskan Syariah - satu langkah yang penting

dalam menggalakkan pengurusan mudah tunai merentas sempadan yang lebih cekap untuk institusi kewangan Islam bagi menyokong aliran merentas sempadan yang meningkat.

Secara kumulatif, usaha-usaha tersebut akan membina asas yang kukuh untuk pertumbuhan dan pembangunan sistem kewangan Islam yang teratur, yang akan menyumbang kepada daya tahan dan kestabilan keseluruhan sistem kewangan global yang berterusan, sekali gus memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada sektor isi rumah dan perniagaan.

Melangkah ke hadapan, penting bagi proses penetapan piawaian antarabangsa mendorong dan terus menggalakkan integrasi dan pertukaran pandangan antara kewangan Islam dengan kewangan konvensional secara lebih berkesan. Ini bagi memastikan rangka kerja global yang teratur dan jelas, yang sejajar merentas risiko yang sama, menggalakkan pemahaman yang lebih baik terhadap interaksi risiko antara aktiviti kewangan konvensional dengan kewangan Islam, serta mempercepat kemajuan ke arah amalan terbaik melalui perkongsian penyelidikan, pengalaman dan rangka kerja.

Kesimpulan

Saya ingin mengakhiri ucapan saya ini dengan memetik satu pernyataan daripada Syarahan Per Jacobsson tahun ini oleh Sir Andrew Crockett mengenai perkara yang perlu kita jadikan panduan dalam "usaha kita untuk merangka satu sistem kewangan yang baharu dan lebih kukuh". "Sistem kewangan ini perlu global, perlu mantap, perlu menjadi penyedia perkhidmatan yang efektif kepada ekonomi pasaran sebenar". Inilah matlamat yang hendak dicapai oleh landskap kewangan Islam baharu. Dengan hubungan dalaman yang rapat dengan ekonomi dan trendnya ke arah pengantarabangsaan serta pengaturan institusi dan standard pengawalseliaan yang mantap yang sedang diperkenalkan dan dilaksanakan, landskap baharu ini sudah tentu akan meningkatkan potensi kewangan Islam untuk memberikan perkhidmatan bukan sahaja kepada sektor ekonomi bahkan untuk mencapai kemampanan dalam persekitaran yang semakin mencabar ini.

Pelancaran Pelan Sektor Kewangan di Sasana Kijang: "Memperkasakan Masa Depan " Kuala Lumpur, 21 Disember 2011

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati untuk mengalu-alukan kehadiran anda semua ke Sasana Kijang bagi pelancaran Pelan Sektor Kewangan (Pelan) Bank Negara Malaysia. Bagi pihak Bank Negara Malaysia dan industri perkhidmatan kewangan, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri kerana sudi hadir pada petang ini untuk melancarkan Pelan Sektor Kewangan. Pelan ini melakarkan fasa baharu dalam pembangunan sistem kewangan negara. Bidang baharu yang diberikan tumpuan dalam Pelan ini akan mengukuhkan daya saing dan kecekapan sektor kewangan serta potensinya dalam memudahkan transformasi ekonomi yang sedang dilaksanakan serta integrasi ekonomi dan kewangan serantau yang lebih meluas. Ini seterusnya akan mempertingkat potensi pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam jangka masa panjang.

Pelan ini yang membawa tema "Memperkasakan Masa Depan" memanfaatkan dan memperkukuh asas yang dibina sepanjang sedekad ini. Malaysia telah memperoleh manfaat daripada sistem kewangan yang maju, lebih berdaya saing dan dikawal selia dengan baik. Setelah melalui krisis kewangan global, sistem kewangan kini telah menjadi lebih teguh dan berdaya tahan serta terus menyokong ekonomi dalam negeri meskipun dalam tempoh yang amat mencabar ini.

Saranan dalam Pelan ini telah memberikan pertimbangan terhadap perubahan yang dijangkakan dalam persekitaran antarabangsa dan dalam negeri serta tuntutan seterusnya terhadap sistem kewangan pada dekad yang mendatang ini. Saranan tersebut turut mempertimbangkan aspirasi Malaysia untuk menjadi sebuah ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi.

Ekonomi sedang pesat membangun akan memainkan peranan yang lebih penting dalam landskap ekonomi global. Meskipun ekonomi-ekonomi ini akan terus menerima kesan daripada perkembangan global, sebilangan besar mempunyai daya tahan yang tinggi dan dijangka terus mencatat pertumbuhan positif. Menjelang tahun 2030, ekonomi sedang pesat membangun diunjurkan mencakupi 60% daripada jumlah keluaran dunia, berbanding dengan 40% pada masa ini.

Pada masa yang sama, kesalinghubungan ekonomi dan pasaran kewangan dalam ekonomi global dan sistem kewangan antarabangsa kini lebih meluas ekoran aliran perdagangan dan kewangan merentas sempadan yang lebih pesat. Pasaran kewangan yang terus berkembang dan meluas serta liberalisasi kewangan yang meningkat dalam ekonomi sedang pesat membangun akan memperkukuh trend ini ke arah kesalinghubungan yang lebih meluas.

Sejak kebelakangan ini, masyarakat antarabangsa telah memberikan semula tumpuan dan keutamaan pada sektor kewangan. Pelbagai langkah reformasi telah diperkenalkan sejurus selepas krisis kewangan global bagi menangani kelemahan yang timbul semasa krisis.

Persekitaran dalam negeri turut melalui transformasi ekoran daripada beberapa perubahan yang berlaku. Sumber pertumbuhan dalam negeri yang baharu, peranan sektor swasta yang lebih besar dalam ekonomi, perubahan demografi, pendapatan yang semakin meningkat dan golongan kelas pertengahan yang bertambah besar, serta kadar urbanisasi yang lebih pantas secara keseluruhannya akan

mengubah dengan ketara tuntutan terhadap sektor kewangan. Trend ini juga akan dipengaruhi oleh inisiatif yang diambil oleh Kerajaan untuk mentransformasikan ekonomi menjadi ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi pada dekad akan datang, memanfaatkan kemajuan teknologi dengan lebih meluas dan mempercepat kadar integrasi kewangan serantau di Asia.

Sistem kewangan Malaysia menghadapi persekitaran baharu ini dengan asas yang teguh. Kejayaan pelaksanaan Pelan Induk Sektor Kewangan pertama pada dekad sebelum ini telah menghasilkan sistem kewangan yang berupaya untuk menghadapi tuntutan baharu dalam dekad akan datang. Institusi kewangan negara mempunyai permodalan yang kukuh dengan penampan yang teguh dan amalan pengurusan risiko dan tadbir urus yang lebih baik. Peningkatan yang ketara dari segi kecekapan juga telah mengurangkan kos pengantaraan dalam persekitaran persaingan yang lebih sengit. Kejayaan ini sebahagian besarnya adalah hasil daripada usaha bersepadu untuk membina institusi yang teguh, pembangunan infrastruktur kewangan, dan pengukuhan rangka kerja pengawalan dan penyeliaan.

Penggubalan pelbagai perundangan pada dekad ini telah memberikan lebih kepastian dan kebolehramalan dalam sistem kewangan. Ini termasuk Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan Akta Perkhidmatan Kewangan, yang akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2012, telah memperkukuh rangka kerja undang-undang bagi sektor kewangan. Usaha ini juga akan mempertingkat keupayaan Bank untuk menguruskan risiko daripada aktiviti pengantaraan kewangan yang dijalankan di luar sistem perbankan dan memberikan kuasa yang lebih meluas bagi tindakan intervensi yang tepat pada masanya.

Pengantaraan yang lebih kukuh pada dekad ini telah memudahkan akses kepada pembiayaan, khususnya untuk perusahaan kecil dan sederhana, yang meningkat dari segi jumlah dan kecekapan. Dengan memanfaatkan rangkaian pengedaran bank perdagangan, produk yang lebih canggih dan keupayaan pengurusan risiko, akses kepada pembiayaan bagi sektor ini telah meningkat pada kadar tahunan yang hampir mencecah 20% sejak tahun 2005.

Infrastruktur kewangan di Malaysia juga telah dipertingkat dengan ketara. Malaysia mempunyai jaringan keselamatan kewangan yang berkesan, termasuk sistem insurans deposit yang menyeluruh dan pengaturan keinstitusian yang menyediakan saluran bagi khidmat nasihat, bantuan penyelesaian dan pemulihan. Inovasi dalam sistem dan instrumen pembayaran serta infrastruktur untuk terbitan, perdagangan dan penyelesaian sekuriti hutang dan akses yang lebih baik kepada maklumat pasaran telah menyumbang kepada kecekapan yang lebih tinggi dan juga telah menambah baik secara menyeluruh proses penentuan harga. Bagi menyokong langkah liberalisasi, infrastruktur pembayaran juga telah dipertingkat untuk menyokong penyelesaian perdagangan merentas sempadan dalam mata wang tempatan dan pengaturan sokongan mudah tunai merentas sempadan bagi institusi kewangan.

Kini, Malaysia juga mempunyai pasaran sekuriti hutang yang luas dan aktif, yang terbesar di Asia Tenggara, dan satu sistem kewangan Islam yang menyeluruh yang diiktiraf sebagai yang paling maju di dunia. Pasaran sekuriti hutang yang terdiri daripada pasaran konvensional dan sukuk telah berkembang tiga kali ganda dari segi saiz, lantas memberikan penyelesaian alternatif kepada perniagaan untuk mendapat akses kepada pembiayaan termasuk dalam pelbagai mata wang bagi memenuhi pilihan risiko dan kematangan yang pelbagai. Institusi kewangan Islam yang lebih teguh, penubuhan infrastruktur kewangan utama bagi kewangan Islam termasuk rangka kerja pengawalan dan penyeliaan telah menjadikan Malaysia pusat kewangan Islam yang terulung.

Saranan dalam Pelan Sektor Kewangan bertujuan untuk memperkukuh kemajuan ini ke arah sektor kewangan yang akan memenuhi realiti ekonomi dan kewangan bagi

dekad baharu ini. Sistem kewangan yang dijangkakan

- akan ditegarkan dengan kukuh dalam ekonomi benar untuk menyediakan perkhidmatan kewangan yang menyumbang secara positif kepada pertumbuhan;
- akan menawarkan kepelbagaian rangkaian produk, perkhidmatan dan institusi yang dapat memenuhi keperluan kewangan spektrum isi rumah dan perniagaan yang lebih luas di Malaysia;
- akan diperkukuh oleh pasaran pertukaran asing dan pasaran wang yang meluas, cair dan cekap untuk melengkapi pasaran sekuriti hutang;
- akan lebih berhubung rapat dengan rantau Asia dan seluruh pelosok dunia;
- berperanan lebih penting dalam menyumbang kepada transformasi ekonomi Malaysia; dan akhir sekali,
- merupakan sistem kewangan yang inklusif dalam memenuhi kehendak rakyat Malaysia merentas semua strata sosial, geografi dan ekonomi.

Menjelang tahun 2020, sistem kewangan dijangka berkembang daripada 4.3 kali KDNK pada masa ini kepada enam kali KDNK. Sumbangan sektor kewangan kepada KNDK nominal turut diunjurkan meningkat daripada 8.6% kepada antara 10 hingga 12% pada tahun 2020. Lebih daripada separuh jumlah pembiayaan pada tahun 2020 akan diperoleh melalui pasaran kewangan, manakala kewangan Islam akan terus menyerlah dan berkembang pada kadar yang lebih cepat untuk mencakupi 40% daripada jumlah pembiayaan.

Pelan Sektor Kewangan telah mengambil pendekatan bersepadu yang mencerminkan sektor kewangan yang semakin meningkat dari segi hubungan dengan pelbagai subsektor dalam sistem kewangan. Oleh itu, saranan dalam Pelan ini tertumpu pada usaha mencapai sembilan bidang utama: (i) pengantaraan yang berkesan ke arah pembentukan ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi; (ii) pembangunan pasaran kewangan yang meluas dan dinamik; (iii) perkongsian kemakmuran bersama yang lebih meluas melalui rangkuman kewangan; (iv) pengukuhan integrasi kewangan serantau dan antarabangsa; (v) pengantarabangsaan kewangan Islam; (vi) pemeliharaan sistem kewangan yang stabil; (vii) pencapaian kecekapan ekonomi yang lebih tinggi melalui pembayaran secara elektronik; (viii) pemerkasaan pengguna; dan (ix) pembangunan tenaga mahir sektor kewangan.

Tumpuan utama dalam Pelan ini adalah untuk membangunkan ekosistem kewangan bagi mempertingkat pendanaan untuk inovasi, yang merupakan agenda transformasi penting dalam model ekonomi baharu negara. Sepuluh inisiatif dalam Pelan ini dikhususkan secara langsung untuk menyediakan sumber pembiayaan bagi perusahaan yang inovatif dalam semua sektor dan pada pelbagai peringkat pembangunan. Sepanjang tempoh sepuluh tahun akan datang, usaha akan diambil untuk mewujudkan rangkaian sumber pendanaan yang lebih luas untuk idea baharu, termasuk saluran baharu bagi pembiayaan dan pelaburan dalam industri yang inovatif.

Dengan terbinanya asas bagi liberalisasi yang lebih meluas, skop Pelan Sektor Kewangan lebih menekankan aspek serantau dan antarabangsa. Sehubungan dengan itu, sektor kewangan perlu turut serta dengan lebih aktif dalam menggembleng dana serantau yang berlebihan untuk disalurkan kepada pelaburan yang produktif di rantau ini. Sektor kewangan juga akan mempertingkat orientasi luaran negara dengan memberikan perkhidmatan kepada syarikat Malaysia dalam operasi serantau dan antarabangsa mereka, serta memudahkan penyertaan lebih meluas syarikat antarabangsa dan serantau dalam ekonomi negara. Malaysia juga akan terus menerajui usaha pengantarabangsaan kewangan Islam bagi memudahkan aktiviti kewangan Islam merentas sempadan yang lebih meluas. Pelan ini juga akan merintis jalan bagi penyatuan Majlis-majlis Syariah yang sedia ada pada peringkat kebangsaan menjadi satu pihak berkuasa utama dalam perkara Syariah yang akan ditubuhkan bagi semua institusi yang menawarkan perkhidmatan kewangan Islam di Malaysia.

Dalam Pelan Sektor Kewangan, liberalisasi kewangan akan diteruskan demi kepentingan negara. Liberalisasi kewangan mendukung dua matlamat. Pertama, untuk mempertingkat kecekapan pengagihan kepada aktiviti ekonomi yang produktif, menambah kecekapan operasi dan terus mengurangkan kos pengantaraan, dan untuk menggalakkan inovasi kewangan yang lebih tinggi. Kedua, untuk memperkukuh hubungan ekonomi dan kewangan Malaysia dengan negara-negara lain di rantau ini serta bahagian lain dunia yang sedang pesat membangun. Saranan utama dalam Pelan ini termasuk had lebih fleksibel bagi penyertaan asing dalam institusi kewangan, dan pengeluaran lesen baharu kepada institusi kewangan yang mempunyai kepakaran khusus dan mampu menyumbang kepada aspirasi ekonomi dan pembangunan sektor kewangan Malaysia. Dalam melaksanakan strategi ini, satu penilaian akan dilaksanakan terhadap faktor yang menyumbang kepada kepentingan terbaik negara. Selain kriteria kehematan yang perlu dipenuhi; kehadiran kumpulan perbankan domestik yang teguh dan diuruskan dengan cekap, yang mencakupi sebahagian besar simpanan pemastautin, akan terus menjadi faktor penting bagi pertumbuhan dan pembangunan yang teratur sektor kewangan dan ekonomi Malaysia.

Dengan sektor kewangan negara terus mengorak langkah pada sepanjang dekad akan datang, keutamaan terus diberikan bagi memastikan rejim pengawalan dan penyeliaan dikemaskinikan dan terus memupuk sistem kewangan yang kukuh dan stabil dalam landskap yang lebih dinamik. Dengan ciri-ciri risiko yang lebih kompleks ekoran lebih pertumpuan dalam sektor kewangan, perundangan perkhidmatan kewangan baharu yang dicadangkan adalah untuk menggalakkan pendekatan yang lebih konsisten terhadap pengawalan dan penyeliaan merentas sektor kewangan, serta memperkukuh keupayaan Bank untuk menguruskan risiko berkaitan dengan pengantaraan kewangan termasuk aktiviti kewangan yang pada masa ini berada di luar skop sistem kewangan yang dikawal selia.

Undang-undang kebangsaan kredit pengguna dan pengaturan yang lebih baik untuk memerangi jenayah kewangan turut dimasukkan dalam saranan Pelan. Bagi memastikan hubungan kewangan merentas sempadan tidak menyebarluaskan risiko merentas sempadan, Bank Negara akan memperhebat usaha penyelarasannya dengan pihak berkuasa penyeliaan serantau dan antarabangsa lain, memberikan tumpuan pada usaha mencapai piawaian pengawalan dan penyeliaan lebih konsisten, pertukaran maklumat yang tepat pada masanya dan forum penyeliaan yang cekap.

Agenda penting dalam Pelan Sektor Kewangan adalah untuk mempercepat perpindahan daripada pembayaran berasaskan kertas kepada pembayaran secara elektronik untuk meningkatkan kecekapan ekonomi yang nyata melalui kaedah memindahkan dana yang lebih cepat, cekap, selamat dan berkesan kos. Pelbagai langkah akan diperkenalkan untuk mempercepat perpindahan kepada e-pembayaran, termasuk mendorong penggunaan transaksi perbankan dan pembayaran telefon mudah alih, menambah bilangan terminal jualan (point-of-sale), dan memperkenalkan struktur harga yang menggalakkan penggunaan e-pembayaran.

Kesimpulan

Izinkan saya untuk mengakhiri ucapan saya dengan merakamkan penghargaan Bank bagi semua sumbangan bermanfaat yang diterima daripada industri, agensi Kerajaan dan kumpulan pihak berkepentingan lain yang telah berbincang dan berinteraksi dengan Bank sepanjang tahun ini untuk menghasilkan saranan dalam Pelan ini. Secara keseluruhan, Pelan ini telah membentangkan 69 saranan bagi mencapai wawasan bagi sektor kewangan pada tahun 2020. Wawasan dan hala tuju yang digariskan adalah untuk menjamin sistem kewangan yang akan memberikan sokongan padu dan memacu potensi pertumbuhan dan aspirasi Malaysia dalam jangka masa panjang. Dengan komitmen yang dikongsi bersama, Pelan ini akan mencapai kejayaan.

KALENDAR PERISTIWA
Oktober – Disember 2011

6 Oktober 2011

Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) mengumumkan pelantikan Encik Ahmad Hizzad bin Baharuddin sebagai Ketua Pengarah yang baharu untuk tempoh tiga tahun berkuat kuasa 3 Oktober 2011. Encik Ahmad Hizzad dilantik untuk memegang jawatan tersebut berikutan persaraan Datuk Azizan Abdul Rahman pada bulan September 2011. Sebelum pelantikan beliau, Encik Ahmad Hizzad merupakan Pengarah Jabatan Perbankan Islam dan Takaful di Bank Negara Malaysia. Encik Ahmad Hizzad yang telah berkhidmat dengan Bank Negara Malaysia sejak tahun 1986 juga pernah memegang jawatan sebagai Pengarah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) dari tahun 1996 hingga 1999.

13 - 15 Oktober 2011

Bank menjadi tuan rumah bagi Persidangan SEACEN-CEMLA mengenai “Pelaksanaan Dasar Monetari: Iktibar daripada Krisis dan Cabaran Masa Hadapan” di Sasana Kijang, yang dianjurkan buat pertama kalinya, dari 13 hingga 15 Oktober 2011. Pusat Penyelidikan dan Latihan Bank-Bank Pusat Asia Tenggara (Pusat SEACEN) dan Centre of Latin American Monetary Studies (CEMLA) telah bekerjasama menganjurkan Persidangan ini. Persidangan ini memberikan peluang unik kepada bank pusat dari rantau Asia dan Amerika Latin untuk berkongsi pengalaman tentang iktibar yang dipelajari daripada tindak balas dasar monetari terhadap krisis kewangan global baru-baru ini, selain mengenal pasti cabaran pada masa hadapan dalam perumusan dan pelaksanaan dasar monetari. Persidangan ini juga telah menghasilkan rangkaian hubungan dan kerjasama serantau yang aktif merentas rantau dalam kalangan bank pusat daripada kedua-dua rantau.

11 November 2011

Pada mesyuarat terakhirnya bagi tahun 2011, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate ,OPR) pada 3.00%. Dalam penilaian MPC, prospek ekonomi global diunjurkan lebih lemah dan keadaan pasaran kewangan antarabangsa yang amat tidak pasti dan tidak menentu akan berterusan pada masa akan datang. Sementara ekonomi dalam negeri dijangka meningkat, perkembangan luaran tersebut berkemungkinan menjejaskan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia keseluruhannya. MPC akan terus memantau perkembangan tersebut dan membuat penilaian risiko terhadap prospek pertumbuhan domestik dan juga inflasi. Mesyuarat juga meluluskan jadual mesyuarat MPC untuk tahun 2012.

15 November 2011

Dalam ucaptama pada Sidang Kemuncak Perisikan Kewangan Islam 2011 yang bertajuk “Landskap Kewangan Islam Baharu”, Gabenor berkata bahawa sistem kewangan Islam telah berkembang menjadi lebih pelbagai dan menyeluruh bagi memenuhi keperluan ekonomi benar yang berubah-ubah. Beliau juga menyatakan bahawa kesalinghubungan antarabangsa kewangan Islam juga telah meningkat berikutan bertambah pesatnya kadar pengantarabangsaan kewangan Islam. Selain itu, Gabenor juga menekankan bahawa perubahan ketara dalam persekitaran pengawalseliaan telah menyumbang ke arah mencapai kestabilan kewangan dalam sistem kewangan Islam.

18 November 2011

Bank mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 5.8% pada suku ketiga 2011, didorong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh. Permintaan dalam negeri yang kukuh

ini telah didorong oleh perbelanjaan isi rumah dan perniagaan yang meningkat serta perbelanjaan sektor awam yang lebih tinggi. Dari segi penawaran, kebanyakan sektor ekonomi mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi, dengan sektor perkhidmatan disokong terutamanya oleh aktiviti berasaskan dalam negeri dan pertumbuhan dalam sektor perkilangan, mencerminkan peningkatan dalam rantaian bekalan dan prestasi industri berorientasikan dalam negeri yang lebih kukuh.

Pada hari yang sama, Bank juga mengeluarkan garis panduan kepada institusi kewangan yang bertujuan untuk menggalakkan amalan pembiayaan runcit yang berhemat, bertanggungjawab dan telus. Di bawah garis panduan ini, institusi kewangan dikehendaki membuat penilaian mengenai kemampuan seseorang peminjam terhadap kemudahan pembiayaan yang diambil, berdasarkan nisbah khidmat hutang berhemat sebagai input kepada keputusan pemberian kredit mereka. Selain itu, garis panduan ini juga bertujuan untuk menggalakkan para pelanggan membuat keputusan peminjaman yang wajar dengan bertemu dan berbincang dengan institusi kewangan lantas membantu mereka untuk mempertimbangkan dengan teliti keupayaan membayar balik semua tanggungan hutang tanpa perlu menanggung beban atau masalah hutang yang besar.

Selain itu, Bank juga mengumumkan bahawa senarai cagaran yang layak, yang boleh disandarkan oleh institusi kewangan untuk memperoleh mudah tunai ringgit daripada Bank, akan diperluas untuk merangkumi sekuriti dalam denominasi mata wang asing. Bank juga akan memulakan inisiatif untuk mewujudkan pengaturan kendalian dua hala bersaling (reciprocal bilateral operational arrangements) dengan bank pusat lain bagi membolehkan institusi kewangan Malaysia yang beroperasi di negara asing memperoleh mudah tunai daripada bank pusat asing dengan mencagarkan sekuriti dalam denominasi ringgit dan sebaliknya.

24 November 2011

Bank Negara Malaysia mengeluarkan tiga jenis duit syiling peringatan bagi memperingati Ulang Tahun Ke-50 Tabung Alam Sedunia (World Wide Fund for Nature, WWF). Duit syiling peringatan ini telah dilancarkan oleh Sultan Perak Darul Ridzuan, DYMM Paduka Seri Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, di Sasana Kijang. Duit-duit syiling yang dikeluarkan ialah duit syiling peringatan dalam bentuk Pruf Emas, Pruf Perak dan emas Nordic.

28 November 2011

Bank telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Monetary Authority of Singapore (MAS) untuk mewujudkan pengaturan cagaran merentas sempadan yang bertujuan untuk meningkatkan penyediaan mudah tunai kepada institusi kewangan kedua-dua negara. Pengaturan ini akan memudahkan pengurusan mudah tunai yang lebih efektif oleh institusi kewangan kedua-dua negara dan akan mengukuhkan lagi orientasi institusi kewangan, yang seterusnya akan menyokong potensi ekonomi kedua-dua negara.

1 Disember 2011

Bank mengumumkan bahawa Akta Perniagaan Perkhidmatan Kewangan 2011 yang baharu telah berkuat kuasa pada 1 Disember 2011. Dengan penguatkuasaan ini, Akta Pengurupan Wang 1998 dimansuhkan. Akta baharu ini menyokong pembangunan industri perniagaan perkhidmatan wang yang lebih dinamik, berdaya saing dan profesional, sambil memperkukuh perlindungan daripada pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan aktiviti haram. Selain itu, Akta ini menyediakan satu rangka kerja tunggal yang seragam untuk pemegang lesen yang menjalankan perniagaan pengurupan wang, perniagaan pengiriman wang dan perniagaan wang secara borong yang pada masa ini ditadbir di bawah tiga akta berasingan, iaitu Akta Pengurup Wang 1998, Akta Sistem Pembayaran 2003 dan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953.

9 Disember 2011

Bank melancarkan inisiatif khidmat pelanggan bergerak yang dinamakan MobileLINK (perkhidmatan LINK bergerak) bagi memberikan akses dan peluang yang lebih meluas kepada orang ramai untuk berurusan dengan Bank. Ini merupakan sebahagian daripada usaha Bank untuk menggalakkan rangkuman kewangan dengan meluaskan lagi jangkauan kepada masyarakat. MobileLINK memberikan khidmat nasihat perbankan, insurans dan takaful, hal-hal berkaitan dengan pembiayaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), maklumat mengenai kredit peribadi melalui Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (Central Credit Reference Information System, CCRIS) serta khidmat nasihat tentang perkara berkaitan dengan kewangan di bawah kawal selia Bank. Perkhidmatan ini akan diperluaskan ke kawasan semibandar dan luar bandar di seluruh Malaysia bermula dengan Mersing, Johor pada 17 Disember 2011.

16 Disember 2011

Mesyuarat dua hala dengan Bank Indonesia telah diadakan di Jakarta, Indonesia untuk membincangkan bidang kerjasama utama iaitu mengenai pengurusan aliran modal, menggalakkan perdagangan dua hala, penyeliaan perbankan merentas sempadan dan pembinaan keupayaan dalam kewangan Islam. Dalam mesyuarat ini, kedua-dua Gabenor bank pusat ini menyatakan dengan jelas pentingnya untuk berusaha ke arah integrasi kewangan serantau yang lebih meluas, dengan pengiktirafan diberikan kepada peranan bank-bank Malaysia dan Indonesia yang beroperasi dalam bidang kawal selia di kedua-dua negara tersebut untuk mencapai integrasi kewangan serantau bagi menyokong integrasi ekonomi dalam rantau ini yang sudah pun luas. Selain itu, kedua-dua Gabenor juga membincangkan dan menyatakan komitmen mereka untuk bekerjasama dalam membina satu pengaturan jaring keselamatan serantau menerusi pelaksanaan pengaturan cagaran merentas sempadan antara kedua-dua bank pusat.

21 Disember 2011

Bank melancarkan Pelan Sektor Kewangan baharu dan memperkenalkan mata wang siri baharu Malaysia pada majlis pelancaran yang dirasmikan oleh Perdana Menteri. Pelan Sektor Kewangan ini melakarkan hala tuju masa hadapan sistem kewangan Malaysia bagi tempoh sepuluh tahun akan datang. Dalam ucapannya, Gabenor berkata bahawa Pelan Sektor Kewangan ini menetapkan wawasan dan hala tuju untuk memastikan sistem kewangan yang kukuh, yang akan memberikan sokongan padu dan memacu potensi pertumbuhan dan aspirasi jangka panjang negara. Bertemakan "Memperkasakan Masa Depan", Pelan Sektor Kewangan menerapkan pendekatan yang bersepadu, yang saranan-saranannya adalah berdasarkan hasil yang dikongsi bersama, yang boleh diterima pakai oleh pelbagai subsektor dalam sektor kewangan. Pelan Sektor Kewangan ini turut menjangkakan penyertaan yang lebih besar oleh sektor kewangan Malaysia dalam memudahkan aliran kewangan serantau, terutamanya dalam menyokong perdagangan dan pelaburan serantau, integrasi kewangan serantau, serta pengantarabangsaan kewangan Islam.

Mata wang siri baharu (wang kertas dan duit syiling) yang bertemakan 'Keunikan Malaysia', mendapat inspirasi daripada ciri-ciri unik negara dan memasukkan elemen kekayaan alam semula jadi, budaya dan khazanah negara. Wang kertas yang dikeluarkan adalah dalam denominasi RM1, RM5, RM10, RM20 dan RM100 dan akan berada dalam edaran pada separuh kedua 2012 (denominasi wang kertas RM50 dalam siri mata wang baharu ini telah pun berada dalam edaran). Siri wang kertas baharu ini turut mengandungi ciri-ciri keselamatan yang dipertingkat sejajar dengan kemajuan terkini dalam teknologi wang kertas. Duit syiling siri baharu dalam denominasi 5 sen, 10 sen, 20 sen dan 50 sen akan berada dalam edaran pada bulan Januari 2012.